

Sewang Temiar
Sewang Temiar

JABATAN WARISAN NEGARA
DEPARTMENT OF NATIONAL HERITAGE

CETAKAN PERTAMA 2022
© Jabatan Warisan Negara, 2022

ISBN 978-983-3862-58-0

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau dengan cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara.

SIDANG PENGARANG **EDITORIAL BOARD**

Penasihat

Advisor

Mohd Azmi bin Mohd Yusof

Setiausaha

Secretary

Mohamad Muda bin Bahadin

Pengulas

Reviewer

YBrs. Prof Juli Edo

Penyunting

Editor

YBrs. Dr Hamid Mohd Isa

Penterjemah

Translator

Puan Adline binti Abdul Ghani

Urus setia Penerbitan

Publishing Secretariat

Dr. Eyo Leng Yan

Mazlun binti Talib

Nurul Azreen binti Amirludin

Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara
Intangible Cultural Heritage Division, Department of National Heritage

Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Warisan Negara
Corporate Communications Unit, Department of National Heritage



Isi Kandungan

Table of Content

Secebis Bingkisan YB Menteri <i>Opening remarks by The Honourable Minister</i>	
Sulaman Kata Pesuruhjaya Warisan <i>Foreword by The Commissioner of Heritage</i>	
Prakata <i>Preface</i>	
BAB 1 CHAPTER 1 Pengenalan <i>Introduction</i>	01
BAB 2 CHAPTER 2 Pengenalan Umum Kepada Sewang <i>General Introduction To The Sewang</i>	21
BAB 3 CHAPTER 3 Amalan Sewang (<i>Peh Poh</i>) di RPS Kemar <i>Practicing The Sewang (Peh Poh) At The Kemar</i> RPS	43
BAB 4 CHAPTER 4 Penutup <i>Conclusion</i>	98
Glosari <i>Glossary</i>	101
Bibliografi <i>Bibliography</i>	106
Lampiran <i>Appendix</i>	110

Secebis Bingkisan *Opening Remarks*

Malaysia dianugerahkan dengan kekayaan dari segi keunikan budaya, adat resam, kepercayaan dan cara hidup. Adat budaya seperti upacara sewang telah diwarisi sejak turun temurun dan menjadi identiti kepada komuniti yang mengamalkannya.

Malaysia is blessed with wealth, particularly in terms of our unique cultures, customs, beliefs and ways of life. Cultural practices, like the sewang dance ceremony, have been passed down from generation to generation and are an identity for the communities that practice them.

Sewang merupakan upacara ritual yang masih diamalkan oleh masyarakat orang asli Temiar di Perak. Upacara Sewang menjadi medium kepada proses pengubatan atau penyembuhan. Penerbitan ini diharap dapat memperkenalkan sewang secara lebih mendalam kepada masyarakat berbilang kaum di Malaysia terutama dalam mempromosi ritual masyarakat asli Temiar ini kepada pelancong luar negara.

The sewang is a ritual ceremony that is still practiced by the Orang Asli Temiar community in Perak. The sewang ceremony has become a medium for the treatment or healing process. It is hoped that this publication will be a more in-depth introduction to the sewang for Malaysia's multi-ethnic society, and especially in promoting the rituals of the Orang Asli Temiar to foreign tourists.

Buku ini diterbitkan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan berdasarkan rangka kerja untuk meneroka sebanyak mungkin maklumat berkaitan sewang seperti falsafah sewang, jenis-jenis sewang, kelengkapan sewang dan lagu-lagu nyayian serta pantang larang semasa bersewang. Upacara bersewang boleh diangkat dan dijadikan sebahagian daripada khazanah warisan negara. Tahniah kepada Jabatan Warisan Negara atas penerbitan buku Upacara Sewang Perubatan Masyarakat Temiar. Buku ini ditulis berdasarkan penyelidikan ke atas Masyarakat Temiar di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), Kemar, Gerik, Perak.

SEWANG TEMIAR |

This book was published as a result of the research conducted based on a framework that sought to explore as much information as possible related to the sewang, such as sewang philosophies, the types of sewang, equipment for the sewang, the songs that are sung, as well as the taboos observed during sewang ceremonies. The sewang ceremony can be upheld and recognised as part of the treasures of our national heritage. Heartiest congratulations to the Department of National Heritage for the publication of the book 'The Healing Sewang Dance of the Temiar Community.' This book was written based on research conducted on the Temiar community at the Kemar Regroupment Plan (RPS), Gerik, Perak.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan buku ini dan menghargai segala usaha yang dilakukan Jabatan Warisan Negara dalam melestarikan warisan budaya kita.

In conclusion, I would like to record my deepest gratitude to all those involved in the research, documentation and publication of this book, and I highly appreciate the efforts of the Department of National Heritage in preserving our culture.

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya
Minister of Tourism, Arts and Culture

Sulaman Kata *Foreword*

Buku ini lahir atas kesedaran bahawa maklumat berkaitan sewang perubatan atau penyembuhan ini amat kurang diketahui dan kurang terbitan yang dihasilkan. Sewang telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2007. Justeru, penerbitan buku ini menjadi satu penghargaan kepada kaum orang asli yang mengamalkan sewang dan secara tidak langsung mempromosikan elemen budaya masyarakat ini kepada khalayak ramai. Sewang perubatan atau penyembuhan ialah satu bentuk upacara ritual Masyarakat Temiar yang masih kekal diamalkan hingga sekarang. Upacara ini merupakan cara penyembuhan yang dijalankan dengan mengikut pantang larang yang ditetapkan.

This book was born from the realisation that very little is known about the medicinal or healing sewang dance and few publications have been produced on the subject. The sewang was recognised as a National Heritage by the National Heritage Department in 2007. Therefore, the publication of this book serves as a gesture of appreciation for the Orang Asli that have practiced the sewang and indirectly promoted an element of their culture to the public. The medicinal or healing sewang is a form of ritual ceremony in the Temiar community that is still being practiced today. This ceremony is a means for healing that is carried out according to prescribed taboos.

Dalam penyediaan buku ini, sekumpulan penyelidik telah menjalankan kajian di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kemar, Gerik, Perak. Tahniah kepada Encik Hisham bin Mat Husien, Puan Mazlun binti Talib, Puan Roslina binti Ismail, Encik Rizal bin Abd Ghani dan Encik Norhisommudein bin Omar yang telah menjalankan kajian dengan bantuan dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan Penyiaran Malaysia serta penduduk setempat.

To prepare this book, a team of researchers conducted studies in the Kemar Recollection Programme (RP), Gerik, Perak. Congratulations to Encik Hisham bin Mat Husien, Puan Mazlun binti Talib, Puan Roslina binti Ismail, Encik Rizal bin Abd Ghani and Encik Norhisommudein bin Omar for the research they conducted with aid from the Department of Orang

SEWANG TEMIAR |

Asli Affairs (JHEOA), the Department of Broadcasting Malaysia and local residents.

Penerbitan buku ini ialah medium yang tepat untuk masyarakat melihat dan menilai seterusnya dapat mempromosikan sewang ini ke arena yang lebih luas. Selain itu, penerbitan buku ini juga diharapkan menjadi rujukan kepada masyarakat di luar sebagai sumber rujukan.

The publication of this book is an accurate medium for the public to see, evaluate, and in turn promote the sewang to a wider arena. Furthermore, it is hoped that this book will become a source of reference for the global community.

MOHD AZMI BIN MOHD YUSOF
Pesuruhjaya Warisan
Commissioner of Heritage
Jabatan Warisan Negara
Department of National Heritage

Prakata *Preface*

Penerbitan buku ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Warisan Negara untuk memulihara dan memelihara warisan budaya tidak ketara, termasuklah warisan Orang Asli. Sebahagian daripada data yang dipaparkan dalam buku ini adalah hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh kakitangan Jabatan Warisan Negara di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kemar, Gerik, Perak selain menggunakan data-data sekunder daripada kajian-kajian dan penerbitan penyelidikan terdahulu.

The publication of this book is one of the initiatives by the Department of National Heritage in conserving and preserving intangible cultural heritage, including the heritage of the Orang Asli. Some of the data displayed in this book is the result of research conducted by the staff of the Department of National Heritage at the Kemar Regroupment Plan (RPS), Gerik, Perak, in addition to the use of secondary data from research and publication by previous researchers

Buku ini membincangkan tentang Sewang Perubatan atau Penyembuhan, salah satu elemen budaya masyarakat suku Temiar iaitu sub-etnik Orang Asli Senoi di negara ini. Subjek ini dipilih kerana ia merupakan satu elemen warisan yang amat signifikan dalam kalangan Orang Asli yang kaya dengan unsur seni dan budaya, spiritual, perubatan tradisional, kepercayaan, seni bina, muzik, cara hidup dan kehidupan bermasyarakat. Aspek-aspek yang diketengahkan dalam buku ini diharap menjadi jendela untuk kita memahami aspek-aspek yang tersurat dan tersirat dalam sosio-budaya masyarakat Temiar khususnya dan Orang Asli amnya.

This book discusses the medicinal or healing sewang dance, one of the cultural elements of the Temiar tribe, a sub-ethnic group of the Orang Asli Senoi in this country. This subject was chosen as it is a very significant element of heritage among the Orang Asli, rich with elements of arts, culture, spirituality, traditional healing, belief, architecture, music, way of life and communal life. It is hoped that the aspects highlighted in this book will serve as a window for us to understand the implicit and explicit facets of socio-cultural norms in the Temiar community specifically, and the Orang Asli community in general.

SEWANG TEMIAR |

Buku ini diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan untuk memulihara dan memelihara sewang sebagai salah satu warisan budaya di negara ini. Menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami, buku ini diharap dapat menjadi bacaan dan rujukan kepada semua golongan masyarakat sama ada ahli akademik, penyelidik, pelajar, pentadbir dan mereka yang cintakan warisan budaya.

It is hoped that this book will promote public awareness on the importance of preserving and conserving the sewang as one of this nation's cultural heritage. Using language that is simple and easy to understand, this book will hopefully become a reading and reference material for all levels of society, be it academics, researchers, students, administrators and those with a love for cultural heritage.

DR. EYO LENG YAN
Pengarah
Director
Bahagian Warisan Tidak Ketara
Intangible Heritage Division
Jabatan Warisan Negara
Department of National Heritage

BAB 1

PENGENALAN

CHAPTER 1
INTRODUCTION

Kepercayaan dan World View *Belief and World View*

Kajian terhadap kepercayaan biasanya dilakukan oleh ahli antropologi dalam ruang lingkup *the study of religion*. Agak sulit untuk mendefinisikan kepercayaan dalam masyarakat Orang Asli, apakah ia boleh dikategorikan sebagai kepercayaan, agama atau amalan. Ini kerana tiadanya unsur penyembahan terhadap tuhan. Terdapat kekeliruan dan pertindihan antara kepercayaan, mitos, lagenda dan *world view* dalam masyarakat ini. Menurut Koentjaraningrat (1997) asal usul teori kepercayaan adalah kesedaran tentang kepercayaan kepada makhluk halus yang menghuni alam di sekeliling manusia dan tidak dapat ditangkap oleh pancaindera.

Studies on belief are typically conducted by anthropologists within the scope of the study of religion. It is rather difficult to define belief in the Orang Asli community and determine if can be categorised as a faith, religion or practice. This is due to the fact that there is no element of worship towards a god. Within the community, there is confusion and overlapping between beliefs, myths, legends and world views. According to Koentjaraningrat (1997), the origin of the theory of belief is the awareness of spirits that inhabit the natural world around mankind and cannot be captured by the senses.

Mengikut kepercayaan dan *world view* orang Senoi dan majoriti Orang Asli, alam ini terbahagi kepada dua dimensi iaitu dunia nyata dan alam ghaib. Manakala orang Temiar pula mengklasifikasi alam kepada alam atas dan alam bawah (Amir et.al. 2018). Setiap dimensi ini pula mengandungi berbagai-bagai makhluk yang saling memerlukan antara satu sama lain. Alam nyata dihuni oleh manusia, haiwan, serangga dan reptilia, tumbuh-tumbuhan, bumi (tanah), batu-batan dan air. Manakala alam ghaib dihuni oleh kuasa *supernatural*, makhluk halus dan semangat atau dikenali sebagai *ruwai*. Dalam kalangan orang Temiar kuasa *supernatural* tertinggi atau *tohat* (tuhan) ialah *Yak* dan isterinya bernama *Yang* diikuti oleh *Karei* dan *Engku* (Amir et.al 2018).

2 | SEWANG TEMIAR

According to the belief and world view of the Senoi people and the majority of the Orang Asli, this world is divided into two dimensions, namely the real world and the supernatural world. Meanwhile, the Temiar people classify the world into the upper and the lower worlds (Amir et.al. 2018). Each of these dimensions contain a multitude of beings that mutually depend on one another. The real world is inhabited by humans, animals, insects, reptiles, plants, the earth (soil), rocks and water. Meanwhile, the supernatural world is inhabited by supernatural powers and beings, as well as spirits that are also known as ruwai. Among the Temiar, the highest supernatural being or tohat (god) is Yak and his wife named Yang, followed by Karei and Engku (Amir et.al 2018).

Unsur supernatural lain yang dipercayai oleh orang Temiar adalah Tak Legang. Tak Legang juga dikenali dengan nama lain iaitu Karei, Hiwaw, Hilok, Tak Engku, Tak Bai dan Tak Goin (Amir et.al. 2018). Tak Legang dianggap sebagai semangat kilat dan guruh kerana membunyikan guruh di langit. Dari segi fizikalnya, Tak Legang mempunyai tubuh seperti siamang, badannya dipenuhi dengan bulu berwarna hitam, pada bahagian lehernya terdapat begok berwarna putih, bertangan panjang, berkaki pendek dan kedua-dua matanya pula berwarna merah. Antara fenomena lain yang dicetuskan oleh Tak Legang ialah menurunkan bencana banjir sehingga memusnahkan kawasan ladang dan rumah serta menghasilkan angin kuat sehingga menumbangkan pokok yang besar (Amir et.al .2018).

Another supernatural element that is part of the Temiar people's beliefs, is Tak Legang. Tak Legang is also known by other names like Karei, Hiwaw, Hilok, Tak Engku, Tak Bai and Tak Goin (Amir et.al. 2018). Tak Legang is considered the spirit of thunder and lighting, as it creates the sound of thunder in the sky. Physically, Tak Legang has the body of a siamang (gibbon), full of black fur, a white lump on itsneck, long arms, short legs and red eyes. Other phenomena triggered by Tak Legang are devastating floods that can destroy farms and homes, as well as strong winds that can knock down large trees (Amir et.al .2018).

Masyarakat Che Wong dari kumpulan Senoi dan Temuan daripada kumpulan Proto Melayu pula percaya pada konsep Tanah Tujuh dimana bumi terbahagi kepada lapisan atas dan bawah. Tanah Satu hingga Tanah Lima ialah alam tidak berpenghuni dan tidak diketahui. Tanah Enam ialah alam berpenghuni dan mempunyai udara yang sejuk dan mengeluarkan pelbagai buah-buahan. Antara penghuni alam ini ialah burung Wak-Wak yang mempunyai *ruwai* jahat dan suka mengambil *ruwai* kanak-kanak. Tanah Tujuh pula mempunyai udara yang panas dan terdapat makhluk yang mempunyai kuasa yang baik dan jahat. Alam ini dihuni oleh kuasa *supernatural* dikenali sebagai Tangkut dan isterinya *Yasinlau* selain dihuni oleh manusia, haiwan dan tumbuhan. Tanah Lapan ialah pulau yang kelam tempat berhimpun semua *ruwai* sama ada baik atau jahat (Wan Nor Hafizan, 2016).

On the other hand, the Che Wong community from the Senoi and Temuan tribes of the Proto Malay group believe in the concept of Tanah Tujuh, whereby the earth is divided into upper and lower layers. Tanah Satu to Tanah Lima are uninhabited worlds that are unknown. Tanah Enam is an inhabited world with cold air and produces various fruits. Among the residents of this world are the Wak-Wak bird that has an evil ruwai and likes to steal the ruwai of children. Tanah Tujuh, however, has hot air and beings with the powers of both good and evil. This world is inhabited by supernatural powers known as Tangkut and his wife Yasinlau, besides humans, animals and plants. Tanah Lapan is a dark island where all the ruwai, whether good or bad, gather (Wan Nor Hafizan, 2016).

Bagi orang Negrito pula sememangnya wujud kepercayaan terhadap *supernatural* atau Orang hidup yang dikenali sebagai *Yak* dan *Yang*, *Tok Pedn* dan *Karei*. Antara ketiga-tiganya yang sering disebut ialah *Karei* (tuhan kilat dan guruh). Terdapat versi yang berbeza antara masyarakat Negrito tentang kedudukan *Yak*, *Tok Pedn* dan *Karei*. Masyarakat Jahai percaya *Tok Pedn* atau sering disebut *Tok* ialah adik kepada *Karei*, manakala *Manoid* ialah isterinya (Schebesta, 1928). Menurut masyarakat Jahai, Lanoh dan Kintak, *Karei* ialah ayah kepada *Tok* atau *Tok Pedn*. Antara keduanya, kebanyakan masyarakat Negrito seperti Jahai, Lanoh dan Kintak meletakkan kedudukan *Tok Pedn* lebih atas dari *Karei*. Kedua mereka dipercayai tinggal di dalam

4 | SEWANG TEMIAR

syurga dan akan turun ke bumi menyerupai pelbagai rupa untuk melihat perangai dan perbuatan manusia di atas muka bumi ini. Kepercayaan terhadap Orang Hidup juga disebut sebagai Kuasa Atas. Kuasa Atas ini dipercayai sama ada *Karei* atau *Yara Meng*, namun ia di kaitkan dengan *supernatural* yang menurunkan ribut petir dan banjir (Schebesta, 1928).

For the Negrito, there is certainly a belief towards the supernatural or Orang Hidup known as Yak and Yang, Tok Pedn and Karei. Among the three, the one that is most mentioned is Karei (god of lighting and thunder). Among the Negrito community, different versions exist on the positions of Yak, Tok Pedn and Karei. The Jahai community believe that Tok Pedn, who is often called Tok, is Karei's younger sibling, while Manoid is his wife (Schebesta, 1928). According to the Jahai, Lanoh and Kintak communities, Karei is Tok or Tok Pedn's father. Between the two, most Negrito communities like the Jahai, Lanoh and Kintak place Tok Pedn's position higher than Karei's. They are believed to live in heaven and will descend to earth resembling various forms to observe mankind's antics and deeds. The belief toward the Orang Hidup is also known as Kuasa Atas. Kuasa Atas is believed to be either Karei or Yara Meng, but is related to the supernatural powers that bring lightning storms and floods (Schebesta, 1928).

Selain itu masyarakat Negrito juga percaya pada makhluk halus yang dikenali sebagai *Chinnoi* atau juga disebut sebagai *Jermol*. *Chinnoi* sering menolong manusia, dan sebab itu ia sering disebut dalam lagu-lagu sewang atau *Peninlon* (Hamid, 2014). *Chinnoi* dalam masyarakat Jahai digambarkan sejenis makhluk yang halus, kembang seperti bunga dalam pelbagai warna dan berkilauan dan mempunyai kedua jantina lelaki dan wanita. *Chinnoi* tinggal di pelbagai tempat di alam ini seperti gunung, pokok, sungai, tasik dan pada pelbagai jenis bunga.

Besides that, the Negrito community also believe in spirits known as Chinnoi or Jermol. Chinnoi often helps humans, and because of that, it is often mentioned in sewang songs or Peninlon (Hamid, 2014). In the Jahai community, Chinnoi is depicted as a spirit that expands like a flower in various colours, sparkles and has both male and female genders. Chinnoi lives in various places in this world, such as mountains, trees, rivers, lakes and on various types of flowers.

Majoriti Orang Asli percaya semua makhluk alam nyata mempunyai semangat, yang diistilahkan sebagai *ruwai*. Setiap *ruwai* ini mempunyai penjaganya yang tersendiri, yang terdiri daripada kuasa *supernatural* dan makhluk-makhluk halus yang disebut *nyanik* oleh kaum Semai atau *Cinnoi* bagi kebanyakan Negrito. Semua serangga dan reptilia dijaga dan dilindungi oleh *nyanik* yang merupai mawas dan tinggal di celah-celah awan. Sehubungan dengan kepercayaan ini, majoriti Orang Asli menghormati makhluk-makhluk lain dan penjaga-penjaga mereka. Di samping itu, masyarakat ini juga mengadakan upacara amal atau ritual, salah satunya ialah sewang untuk memelihara hubungan baik antara kedua-dua yang nyata atau yang ghaib.

The majority of the Orang Asli believe that all beings of the real world have a spirit that is called a ruwai. Each ruwai has its own guardian, that comprises of a supernatural power or spirit called nyanik by the Semai, or Cinnoi for most Negritos. All insects and reptiles are cared for and protected by nyanik, which resembles an ape that lives between the clouds. Due to this belief, the majority of the Orang Asli respect other beings and their guardians. In addition, this community also performs ritual ceremonies, one of them being the sewang to safeguard the good relationship between both the real and supernatural worlds.

Bagi suku Semai, *Nyenang* (tuhan) merupakan *supernatural* yang teragung daripada sekalian makhluk yang mempunyai sifat-sifat yang baik, berkuasa dan boleh memberi balasan dan hukuman kepada mereka sekiranya melakukan kesalahan (dosa). Di samping *Nyenang*, *Nyanik* (hantu, penunggu atau sebagainya) amat ditakuti oleh Semai dan Temiar kerana *Nyanik* menyebabkan seseorang itu sakit, membawa maut dan mempercayai mayat si mati menjadi makanan *Nyanik Mai Berlag Mat*. *Nyanik* terdiri daripada *Nyaniik Keramat*, *Nyainik Pechnoch* (penunggu), *Nyanik Ratah* (terbahagi kepada lima iaitu *Nyanik Kikmoij*, *Mai Berlag Mat*, *Mai Cereg Teg*, *Mai Cereg Soog* dan *Jeet*), *Mai Tepas* (Bunian) dan *Ludat*.

6 | SEWANG TEMIAR

For the Semai tribe, Nyenang (god) is the most supreme supernatural entity amongst all beings and possesses characteristics of goodness, power and can retaliate and dispense punishment to those who have done wrong (sin). Besides Nyenang, nyanik (ghosts, evil spirits or others) are greatly feared by the Semai and Temiar since nyanik can cause someone to fall ill or die, and it is also believed that the corpse will be eaten by Nyanik Mai Berlag Mat. Nyanik comprises of Nyaniik Keramat, Nyaniik Pechnoch (evil spirit), Nyanik Ratah (divided into five, namely Nyanik Kikmoij, Mai Berlag Mat, Mai Cereg Teg, Mai Cereg Soog and Jeet), Mai Tepas (elves) and Ludat.

Mereka juga mempercayai segala benda di alam nyata ini dan seluruh kehidupan mempunyai *ruwai*. Mereka menggambarkan *ruwai* mempunyai penjaganya sendiri yang terdiri daripada makhluk halus. Mereka percaya makhluk halus yang paling ditakuti dan berkuasa menjaga semua manusia dan alam ini menyerupai seekor mawas atau siamang yang tinggal di celah-celah awan. Mawas atau siamang ini dikenali sebagai *Engku* (Semai), *Karei* (Temiar, Bateq, Jahai, Lanoh dan Kintak), atau *Gobar* (Che Wong). Makhluk halus ini sentiasa memerhati tingkah laku manusia agar tidak menganiaya atau mempersendakan semua makhluk di bawah jagaannya. Jika ini berlaku ia akan menurunkan bencana seperti ribut, banjir, kilat dan guruh.

They also believe that all things in the real world and all living beings have a ruwai. They depict ruwai as having their own guardians that consist of supernatural beings. They believe that the most feared and powerful supernatural being protects all humans and it resembles an ape or siamang that lives between the clouds. This ape or siamang is known as Engku (Semai), Karei (Temiar, Bateq, Jahai, Lanoh and Kintak), or Gobar (Che Wong). This supernatural being always observes human behaviour to ensure that they do not persecute or ridicule all the beings under its care. If this happens, it will cause disasters like storms, floods, lighting and thunder.

Sekiranya sesuatu bencana buruk berlaku, pembantu *poyang*, *pawang*, *halak*, *bomoh* atau sebagainya akan menyeru semangat yang baik di alam ghaib untuk memberi pertolongan. Pembantu

ini pada awalnya mendatangi salah seorang daripada kalangan mereka yang memiliki keistimewaan untuk dipilih. Ia bukanlah sesuatu yang boleh diwarisi kerana bergantung pada semangat yang dimiliki di kalangan mereka yang layak. Pembantu biasanya berbeza mengikut status kehebatan ilmu pengamalannya dalam membantu semasa bersewang.

If a disaster happens, a pembantu poyang, pawang, halak, bomoh or others will call upon the good spirits of the supernatural world to ask for help. Initially, the pembantu will appear to one of the individuals that has the privilege of being chosen. It is not something that can be inherited, as it depends on the spirit possessed by those who are deemed worthy. The pembantu can usually be differentiated by their great knowledge as a practitioner when assisting in the sewang ceremony.

Semangat jahat pula sering mengganggu kehidupan seperti memberi musibah dan melemahkan semangat manusia. *Halak* melalui pembantu akan berhubung dengan semangat jahat atau semangat yang sedang marah akibat diganggu sama ada disedari atau tidak oleh pelakunya. Semangat yang berada di dalam keadaan marah akan memberi kesan kepada individu atau masyarakat setempat seperti banjir, ribut petir, kerosakan tanaman, wabak penyakit dan sebagainya.

Evil spirits often disrupt life by causing misfortune and weakening the human spirit. Through the pembantu, halak will communicate with the evil or angry spirit that was disturbed either consciously or unconsciously by someone. An angry spirit will affect individuals or local communities with floods, thunderstorms, damaged crops, outbreaks of disease and others.

Orang Asli *Orang Asli*

Orang Asli, dalam bahasa Melayu bermaksud orang asal atau yang mula-mula. Ia dipetik dari bahasa Arab *asali* bermaksud asli (Carey, 1976). Istilah Orang Asli ini mula digunakan oleh ahli antropologi dan pentadbir untuk menyeragamkan 18 sub-etnik masyarakat tersebut. Istilah ini telah diterima oleh ahli antropologi di seluruh dunia untuk mendefinisikan Orang Asli di negara ini.

In the Malay language, Orang Asli means the original or first people. It is taken from the Arabic word asali meaning original (Carey, 1976). The term Orang Asli was first used by anthropologists and administrators to unify 18 sub-ethnic communities. This term is accepted by anthropologists from all over the world to define the Orang Asli of this country.

Sebelum tahun 1960 istilah Orang Asli belum wujud. Mereka dipanggil dalam pelbagai gelaran seperti Sakai, Jakun, Semang, Orang Hulu, Orang Hutan, Orang Darat, Orang Dalam dan Orang Liar (Carey, 1976). Kebanyakan nama ini mempunyai konotasi yang negatif dan menghina. Contohnya Sakai bermaksud hamba meskipun istilah Sakai ini digunakan merujuk kepada masyarakat Negrito yang dikenali sebagai Menik di selatan Thailand. Kekeliruan juga timbul disebabkan ia juga merujuk satu kumpulan Masyarakat Terasing di Riau Indonesia. Istilah Semang pula kemungkinan berasal dari perkataan Siamang sejenis beruk.

Prior to 1960, the term Orang Asli had not yet existed. They were called by many names like the Sakai, Jakun, Semang, Orang Hulu, Orang Hutan, Orang Darat, Orang Dalam and Orang Liar (Carey, 1976). Most of these names have negative and derogatory connotations. For example, Sakai means slave, though the term Sakai is used to refer to a Negrito community known as the Menik in southern Thailand. Confusion also arose when referring to the Terasing community in Riau, Indonesia. Meanwhile, the term Semang may have originated from the word siamang, which is a type of gibbon.

Secara demografi, kira-kira 35 peratus masyarakat ini menetap di pedalaman manakala 65 peratus di kawasan pinggir yang berhampiran dengan kampung-kampung Melayu atau di sepanjang persisiran pantai. Penempatan mereka kebanyakannya kawasan pedalaman di tanah tinggi khususnya di sepanjang Banjaran Titiwangsa. Kini ramai Orang Asli menetap di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang disediakan oleh kerajaan di seluruh negara. Mereka sejak turun-temurun secara tradisinya hidup dalam kumpulan-kumpulan kecil sekitar 10 hingga 50 kelamin di sesuatu penempatan. Walaupun terdapat sebahagian kecil daripada mereka masih hidup secara berpindah randah tetap 80% hingga 90% sudah menetap di kampung-kampung seperti orang Melayu.

Demographically, almost 35 percent of this community resides in inland areas, while 65 percent resides on the outskirts of Malay villages or along coastlines. Their settlements were mostly located in highland areas, particularly along the Titiwangsa Range. Today, many Orang Asli live in Regroupment Plans (RPS) prepared by the government all over Malaysia. For generations, they have traditionally lived in small groups of 10 to 50 couples per settlement. However, a small number of them still live nomadically, but 80% to 90% now live in villages like the Malays.

Terdapat tiga kumpulan utama Orang Asli di Semenanjung iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Populasi Orang Asli pada tahun 2013 ialah seramai 178,197 orang (JAKOA, 2013). Setiap rumpun bangsa ini terbahagi kepada enam suku kaum. Rumpun Negrito terbahagi kepada enam suku kaum iaitu Bateq, Jahai, Kensiu, Kintak, Lanoh dan Mendriq. Manakala rumpun Senoi pula terbahagi enam suku kaum juga iaitu Che Wong, Jahut, Mahmeri, Semai, Semoq Beri dan Temiar. Masyarakat Senoi mendiami kawasan pedalaman di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Suku kaum Semai boleh didapati di daerah Batang Padang, Perak Tengah, Kinta, Kuala Kangsar, Lipis, Raub dan Cameron Highland. Suku kaum Temiar pula tinggal di Hulu Perak, Sungai Siput, Kinta dan Hulu Kelantan. Kawasan sekitar Lancang dan Raub pula menjadi kediaman bagi suku kaum Che Wong manakala suku kaum Jah Hut di Temerloh, Pahang. Bagi suku kaum Semoq Beri, taburan penduduk mereka meliputi kawasan Maran, Kuantan, Kemaman, Hulu Terengganu dan Besut. Suku kaum Mahmeri pula hanya boleh ditemui di daerah

10 | SEWANG TEMIAR

Kuala Langat, Klang dan Sepang. Data yang diperolehi dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menunjukkan bahawa pecahan penduduk Orang Asli suku *Senoi* tahun 2013 ialah Temiar 31,038 orang, Semai 51,437 orang, Semoq Beri 5,313 orang, Che Wong 651 orang, Jah Hut 5,618 orang dan Mahmeri 3,799 orang (JAKOA, 2013).

There are three main groups of Orang Asli in Peninsular Malaysia, which are the Negrito, Senoi and Proto-Malay. In 2013, the total number of the Orang Asli population was at 178,197 individuals (JAKOA, 2013). Each of these ethnic groups are divided into six tribes. The Negrito group is divided into six tribes called the Bateq, Jahai, Kensiu, Kintak, Lanoh and Mendriq. Meanwhile, the Senoi group is also divided into six tribes named Che Wong, Jahut, Mahmeri, Semai, Semoq Beri and Temiar. The Senoi community resides in inland areas of the states of Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu and Selangor. The Semai tribe can be found in the districts of Batang Padang, Perak Tengah, Kinta, Kuala Kangsar, Lipis, Raub and Cameron Highlands. The Temiar tribe, on the other hand, live in Hulu Perak, Sungai Siput, Kinta and Hulu Kelantan. The areas around Lancang and Raub are the residences of the Che Wong tribe, while the Jah Hut tribe live in Temerloh, Pahang. For the Semoq Beri tribe, their population is distributed in areas of Maran, Kuantan, Kemaman, Hulu Terengganu and Besut. Meanwhile, the Mahmeri tribe can only be found in the districts of Kuala Langat, Klang and Sepang. This data, which was obtained from the Department of Orang Asli Development (JAKOA), shows the breakdown of the Orang Asli Senoi population in 2013, which comprised of the Temiar with 31,038 people, Semai with 51,437 people, Semoq Beri with 5,313 people, Che Wong with 651 people, Jah Hut with 5,618 people and Mahmeri with 3,799 people (JAKOA, 2013).

Melayu-Proto pula merangkumi suku kaum Jakun, Orang Kanak, Orang Kuala/Orang Laut, Orang Seletar, Semelai dan Temuan. Suku Jakun merupakan yang terbesar dan terdapat di sekitar Pahang dan Johor. Mereka tinggal secara tetap dan mempunyai corak sosio ekonomi yang hampir sama dengan masyarakat Melayu (Carey, 1976). Jakun mewakili populasi Melayu Proto paling ramai iaitu 34,722 orang diikuti oleh Temuan 27,590, Semelai 7,727 orang, Orang Kuala 3525 orang, Seletar 1620 orang dan yang paling kecil ialah Suku Kanak yang populasinya hanya seramai 148 orang (JAKOA, 2013).

Meanwhile, the Proto-Malay group encompasses the Jakun, Orang Kanak, Orang Kuala/Orang Laut, Orang Seletar, Semelai and Temuan tribes. The Jakun is the largest tribe and can be found around Pahang and Johor. They live in permanent residences and have a socio economic structure that is almost similar to the Malay community (Carey, 1976). The Jakun represent the biggest population of Proto-Malays with 34,722 people, followed by the Temuan with 27,590, Semelai with 7,727 people, Orang Kuala with 3,525 people, Seletar with 1,620 people and the smallest tribe is the Kanak tribe with a population of only 148 people (JAKOA, 2013).

Senoi merupakan rumpun yang terbesar iaitu seramai 97,856 orang diikuti oleh Melayu-Proto seramai 75,332 orang manakala rumpun Negrito pula seramai 5009 orang (Jadual 1). Secara demografi, Negrito tertumpu di utara Semenanjung bersempadan selatan Thailand iaitu di Baling, Kedah, di daerah Hulu Perak, di kawasan Kuala Tahan Pahang, di Hulu Kelantan dan Hulu Terengganu. Ahli Antropologi barat memanggil mereka *Northern Aslian* (Benjamin, 2001). Sebahagian daripada suku kaum Negrito merupakan masyarakat pemburu pemungut dan tinggal dalam kumpulan-kumpulan kecil secara semi nomadik dan tetap terutama suku Jahai di Hulu Perak dan Jeli Kelantan serta Batek di Tembeling, Pahang dan Hulu Kelantan. Pecahan populasi mereka ialah Jahai 2387 orang, Batek 1447 orang, Lanoh 382 orang, Mendrik 362 orang, Kensiu 237 orang dan Kintak 194 orang (JAKOA, 2013). Rumpun Senoi pula tertumpu di kawasan tengah Semenanjung iaitu di sepanjang Banjaran Titiwangsa di Perak, Pahang, Kelantan dan Selangor. Ahli antropologi barat memanggil mereka sebagai *Central Aslian* manakala Melayu-Proto tertumpu di selatan pesisir pantai Semenanjung iaitu di Johor, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan dan dikenali sebagai *Southern Aslian* (Rajah 1).

The Senoi is the largest group with 97,856 people, followed by the Proto-Malay with 75,332 people, and the Negrito with 5,009 people (Table 1). Demographically, the Negrito are concentrated in the northern parts of Peninsular Malaysia, which border southern Thailand, such as in Baling, Kedah, the district of Hulu Perak, in the Kuala Tahan Pahang area, in Hulu Kelantan and Hulu Terengganu. Western anthropologists refer to them as Northern Aslians (Benjamin, 2001).

12 | SEWANG TEMIAR

Some of the Negrito tribes are hunter gatherers and live semi-nomadically and permanently in small groups, especially the Jahai in Hulu Perak and Jeli Kelantan, as well as the Batek in Tembeling, Pahang and Hulu Kelantan. A breakdown of their population consists of the Jahai with 2,387 people, Batek with 1,447 people, Lanoh with 382 people, Mendrik with 362 people, Kensiu with 237 people and Kintak with 194 people (JAKOA, 2013). Meanwhile, the Senoi are concentrated in areas located in the middle of Peninsular Malaysia, particularly along the Titiwangsa Range in Perak, Pahang, Kelantan and Selangor. Western anthropologists call them Central Aslians, while the Proto-Malays who are concentrated along the southern coastlines of Peninsular Malaysia in Johor, Pahang, Selangor and Negeri Sembilan, are known as Southern Aslians (Figure 1).

Selain itu, Carey (1976) membuat klasifikasi Orang Asli mengikut corak penempatan mereka. Yang pertama ialah komuniti yang tinggal jauh di dalam hutan dan sukar dihubungi serta tidak mengalami banyak perubahan. Kumpulan kedua ialah komuniti bersempadan iaitu yang tinggal berhampiran jalan raya dan mudah dihubungi serta menjalin hubungan dengan masyarakat luar selain Orang Asli. Kumpulan ketiga ialah kumpulan yang tinggal di luar dari hutan berhampiran kampung Melayu, mudah dihubungi dan mudah menerima arus pembangunan. Kumpulan keempat ialah kumpulan yang telah berasimilasi dalam komuniti Melayu terutama melibatkan kumpulan Melayu Proto di Johor.

In addition, Carey (1976) classified the Orang Asli according to the pattern of their settlements. The first group consists of communities that live deep in the forest, are difficult to contact and have not experienced much change. The second group consists of border communities that live near roads, are easily contacted and have forged relationships with outside communities besides the Orang Asli. The third group consists of communities that live outside the forests and near Malay villages, are easily contacted and easily accept current developments. The fourth group consists of communities that have assimilated with the Malay community and particularly involve the Proto-Malay community in Johor.

Pada masa ini meskipun Orang Asli menganut pelbagai agama seperti Islam, Kristian, Bahai dan sebagainya namun kepercayaan terhadap unsur-unsur animisme dan kepercayaan nenek moyang tetap utuh dalam majoriti masyarakat ini. Mereka berpegang kepada pantang larang, adat istiadat, budaya dan pandangan hidup yang diwarisi daripada nenek moyang. Pantang larang dari segi cara berhubung dengan manusia dan alam mesti dihormati dengan baik jika manusia ingin selamat dan sejahtera. Ia boleh dilakukan dengan mengadakan pelbagai upacara amal seperti bersewang untuk mendapat restu daripada kuasa *supernatural* dan makhluk halus sebelum melakukan sesuatu pekerjaan. Selain itu upacara amal ini berperanan sebagai kaedah memohon keampunan sekiranya melakukan kesilapan bagi mengelakkan penyakit dan bencana.

At present, although the Orang Asli have embraced various religions, like Islam, Christianity, Bahai and others, their belief towards animistic elements and their ancestors remains firm among the majority of this community. They hold on to the taboos, customs, cultures and views inherited from their ancestors. Taboos on how to communicate with humans and nature must be carefully observed if mankind wishes to stay safe and prosperous. It can be done by conducting various ritual ceremonies, such as the sewang, to gain the blessings of supernatural powers and beings before any work is done. In addition, this ritual ceremony plays a role as a method of seeking forgiveness for wrongdoings, to prevent illness and disasters.

Perlembagaan Malaysia menjelaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Orang Asli adalah termaktub di dalam Undang-Undang Malaysia Akta 134 (<http://www.jakoa.gov.my>). Kewujudan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance* No. 3, 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

14 | SEWANG TEMIAR

The Malaysian constitution clarifies that matters concerning the Orang Asli are enshrined under the Laws of Malaysia Act 134 (<http://www.jakoa.gov.my>). The Aboriginal Peoples Act 1954 (Act 134), under the Aboriginal Peoples Ordinance No. 3, 1954 that was amended in 1974, defines and explains the terms and qualifications for being called an Orang Asli community. Based on Section 3 of the Aboriginal Peoples Act 1954 (Act 134), the Orang Asli can be defined as follows:

- a. mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu.

any person whose father is a member of an ethnic Orang Asli group, that speaks the Orang Asli language, usually adopts the Orang Asli way of life and Orang Asli customary beliefs, and including descendants through that man.

- b. mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau

any person from any race that was adopted as a child by the Orang Asli and was raised as an Orang Asli, usually speaks the Orang Asli language, adopts the Orang Asli way of life and Orang Asli customary beliefs, and has become a member of an Orang Asli community; or

- c. anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli (<http://www.jakoa.gov.my>).

a child from the unification of an Orang Asli woman with a man from another race, under the condition that the child typically speaks the Orang Asli language, adopts Orang Asli beliefs and is still a member of an Orang Asli community (<http://www.jakoa.gov.my>).

Jadual 1 :Populasi Orang Asli Mengikut Rumpun dan Suku

Table 1 :The Orang Asli Population According to Groups and Tribes

Rumpun dan Suku Group and Tribe	Populasi Population
NEGRITO : Bateq, Jahai, Kensiu, Kintak, Lanoh, Mendriq	5009
<i>NEGRITO : Bateq, Jahai, Kensiu, Kintak, Lanoh, Mendriq</i>	
SENOI : Che' Wong, Jahut, Mahmeri, Semai, Semoq Beri, Temiar	97,856
<i>SENOI : Che' Wong, Jahut, Mahmeri, Semai, Semoq Beri, Temiar</i>	
MELAYU-PROTO : Jakun, Orang Kanak, Orang Kuala, Orang Seletar, Semelai, Temuan	75,332
<i>PROTO-MALAY : Jakun, Orang Kanak, Orang Kuala, Orang Seletar, Semelai, Temuan</i>	
Total	178,197

(Sumber: JAKOA, 2013)

(Source: JAKOA, 2013)

Rajah 1: Peta Taburan Orang Asli
Figure 1: Distribution Map of the Orang Asli



(Sumber: Benjamin, 2001)
(Source: Benjamin, 2001)

Latar Belakang Masyarakat Temiar *Background of the Temiar Community*

Temiar merupakan sub etnik bagi kumpulan Senoi dan merupakan kumpulan yang bertutur dalam kumpulan bahasa *Aslian Austro-Asiatik Mon Khmer*. Masyarakat ini juga dikenali sebagai Senoi Serok bermaksud orang pedalaman (Carey, 1976). Istilah Temiar juga ditulis sebagai *Tummear, Timeor, Tembe, Teme, Temer* (Clifford, 1891) dan terakhir penggunaan istilah Temiar yang digunakan oleh Noone (1936).

The Temiar is a sub ethnic tribe of the Senoi that speaks a language belonging to the Aslian Austro-Asiatik Mon Khmer group. This community is also known as the Senoi Serok, meaning inland people (Carey, 1976). The term Temiar is also written as Tummear, Timeor, Tembe, Teme, Temer (Clifford, 1891) and lastly, the term Temiar that was used by Noone (1936).

Demografi masyarakat Temiar negara ini ialah di antara sempadan Perak dan negeri Kelantan. Tumpuan penempatan mereka terletak di sepanjang Banjaran Titiwangsa. Mereka membina rumah di kawasan yang mempunyai ketinggian kira-kira 1000 meter sehingga 1300 meter dari aras laut. Selain itu, masyarakat Temiar memilih penempatan di kawasan yang berbukit-bukit serta beradaptasi dengan sungai. Corak penempatan begini dipengaruhi oleh kegiatan penanaman padi bukit selain berkait rapat dengan kepercayaan mereka terhadap semangat dan makhluk halus yang mendiami persekitaran tersebut. Catatan sejarah menunjukkan masyarakat ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Temiar tanah tinggi dikenali sebagai *Jelmol* dan yang tinggal di kawasan tanah rendah di kenali sebagai *Temiar Baroh* (Benjamin, 1966). Dalam bahasa Temiar, *Jermol* bermakna gunung manakala *baroh* diambil daripada bahasa Melayu bermaksud tanah rendah.

The demography of the Temiar community in this country is concentrated between the borders of Perak and Kelantan, with their settlements being located along the Titiwangsa Range. Their houses are built in areas with

18 | SEWANG TEMIAR

an elevation of around 1,000 to 1,300 metres above sea level. Additionally, the Temiar community choose to settle in hilly areas, as well as adapt to rivers. This settlement pattern is influenced by the cultivation of hill paddy, besides being closely linked to their belief towards supernatural beings that inhabit these environments. Historical accounts show that this community is divided into two groups, namely the highland Temiar known as the Jermol and those that live in lowland areas that are called Temiar Baroh (Benjamin, 1966). In the Temiar language, jermol means mountain, while baroh, a term taken from the Malay language, means lowland.

Pemilihan penempatan suku Temiar di sesuatu tempat ditentukan oleh Penghulu dan *halak*. Ini dilakukan dengan cara *berhalaq* (jampi) atau mimpi. Tempat yang hendak didiami mestilah jauh dari tanah perkuburan. Mereka juga tidak membuat penempatan di kawasan berpaya (takungan air) kerana ditakuti berpenunggu. Begitu juga kawasan air terjun dan sungai besar juga tidak sesuai kerana ditakuti ada puteri sungai/lata yang akan mengganggu. Mereka membina rumah menggunakan kayu sebagai struktur utama selain buluh sebagai lantai dan dinding manakala bertam, nipah atau cucoh sebagai atap. Selain buluh terdapat juga rumah yang menggunakan kulit kayu dan bertam sebagai dinding. Pada zaman dahulu di peringkat awal penempatan, mereka membina rumah panjang yang didiami oleh beberapa kelamin yang terdiri satu keluarga besar (*extended family*) yang menunjukkan terdapat struktur sosial dalam masyarakat ini. Pada masa ini majoriti mereka tinggal di rumah sendiri yang mewakili keluarga asas kebiasaannya berdekatan dengan rumah ibu bapa mereka. Mereka menyara keluarga dengan menanam padi bukit, bercucuk tanam, berburu dan meramu tumbuh-tumbuhan hutan untuk kegunaan sendiri atau dijual.

A Temiar tribe's settlement in a particular place is determined by the penghulu and halak. This is done through berhalaq (spells) or dreams. The place to be inhabited must be located far from a cemetery. They also cannot build settlements in swampy areas (water reservoirs) for fear of evil spirits. Similarly, waterfalls and large rivers are deemed unsuitable, for fear that the princess of a river/cascade might cause disturbances. They build houses with main structures made of wood, with bamboo as the flooring and walls, while bertam, nipah or cucoh are used for roofing. Besides bamboo, there

are also homes made with bark and bertam as walls. In the past, during the early stages of settling, they built long houses that housed several couples to create a large extended family, which shows that there is a social structure within this community. Today, the majority of them live in their own houses that represent a basic family, usually near their parents' home. They support their families by planting hill paddy, hunting and collecting forest plants for personal use or sale.

Masyarakat Temiar mewarisi adat yang kaya dengan pantang larang. Sebagai masyarakat yang berpegang kepada kepercayaan animisme, mereka dinaungi oleh semangat alam dan tumbuh-tumbuhan. Dalam hidupnya mereka amat percaya kepada semangat baik dan jahat. Setiap benda mempunyai semangat dan boleh membawa kemudharatan ataupun kebaikan. Sekiranya mereka mengalami nasib yang kurang baik, *halak* akan bertindak mengusir semangat yang jahat yang membawa nasib tidak baik. Semangat jahat adalah roh individu yang sudah mati yang menimbulkan kekacauan. Masyarakat Temiar percaya unsur tidak baik akan mengakibatkan bencana seperti kebuluran, penyakit, banjir dan kemalangan.

The Temiar community inherited customs that are rich in taboos. As a community that believes in animism, they are protected by the spirit of nature and plants. In life, they strongly believe in good and evil spirits. Each thing has a spirit and can bring harm or good. If they experience bad luck, the halak will act to ward off the evil spirits that have brought misfortune. The evil spirits are the souls of individuals who have passed away that are causing disturbances. The Temiar community believe that bad elements will cause disasters like famine, disease, flooding and accidents.

BAB 2

SEWANG

CHAPTER 2
SEWANG

Sewang Sewang

“Sewang ialah sebuah konsep budaya yang merujuk kepada suatu upacara keagamaan Orang Asli, yang melibatkan tarian, muzikal dan nyanyian” (Juli Edo, 2006). Ia juga boleh diklasifikasikan sebagai suatu nyanyian, tarian dan muzikal sakral masyarakat Orang Asli yang berhubung rapat dengan falsafah hidup yang berhubungan dengan alam semesta.

“The sewang is a cultural concept that refers to an Orang Asli religious ceremony, which involves dancing, music and singing” (Juli Edo, 2006). It can also be classified as singing, dancing and the sacral music of the Orang Asli that is closely related to their life philosophy in relation to the universe.

Dalam masyarakat Orang Asli, sewang disebut dengan pelbagai istilah. Masyarakat Temiar menyebutnya sebagai *Pehnook* (Amir et.al 2018), manakala sebahagian menyebutnya sebagai *Peh Poh*. Manakala Orang Semai Perak menyebutnya sebagai *Kebut* iaitu ubat. Orang Semai Pahang pula menyebutnya dengan *jenulang/jenulak* atau *Julag/Julak* yang bermaksud nyanyian dan *Gengsak* yang bermaksud tarian. Dalam masyarakat Jah Hut, sewang dikenali sebagai *Miksoi* iaitu berubat orang sakit yang menggunakan jampi dan bacaan tertentu. Terdapat dua jenis sewang bagi masyarakat Jah Hut iaitu sewang terang (keraian) dan sewang gelap (*Berisoy* untuk berubat). Dalam masyarakat Che Wong ia dikenali sebagai *Nepoh* dan diklasifikasikan kepada *Nepoh* orang sakit, *Nepoh* kematian, *Nepoh* perkahwinan dan *Nepoh* menyambut tetamu (Wan Nor Hafizan, 2016). Bagi masyarakat suku Temuan dari kumpulan Proto Melayu sewang dikenali sebagai Sawai. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) *Sawai* bermaksud tidak sedarkan diri kerana kemasukan orang halus. Dalam kumpulan Negrito seperti Jahai, Lanoh dan Kintak, Sewang dikenali sebagai *Peninlon*. *Peninlon* terbahagi kepada *Peninlon* perubatan, *Peninlon* menyambut tetamu dan *Peninlon* sebagai ritual kematian (Hamid, 2014).

22 | SEWANG TEMIAR

In the Orang Asli community, the sewang is called by various terms. The Temiar call it Pehnook (Amir et.al 2018), while some call it Peh Poh. Meanwhile, the Orang Semai Perak call it Kebut or medicine. The Orang Semai Pahang, on the other hand, call it jenulang / jenulak or Julag /Julak, which mean singing and Gengsak, which means dancing. In the Jah Hut community, the sewang is known as Miksoi or medicine for the sick that uses certain spells and incantations. For the Jahut community, there are two types of sewang, which are the sewang terang (celebration) and sewang gelap (Berisoy for healing). In the Che Wong community, it is known as Nepoh and classified as Nepoh for the sick, Nepoh for death, Nepoh for marriage and Nepoh for welcoming guests (Wan Nor Hafizan, 2016). For the Temuan tribe of the Proto-Malay group, the sewang is known as Sawai. According to the Fourth Edition of Kamus Dewan (2007) the Sawai means losing consciousness due to being possessed by a supernatural being. In the Negrito group, such as among the Jahai, Lanoh and Kintak, the sewang is known as Peninlon. Peninlon is divided into Peninlon for healing, Peninlon for welcoming guests and Peninlon as a ritual of death (Hamid, 2014).

Setiap persembahan sewang dijalankan oleh juru sewang. Juru sewang akan berdendang hingga tidak sedarkan diri atau pengan. Jika juru sewang atau pengendalinya pengan, mereka akan dipulihkan oleh *halak*. Penari akan menari mengelilingi pentas secara berpusing membentuk bulatan. Pergerakan sewang merupakan sebuah tarian dengan rentak permainan centung (alat muzik), lagu, jampi dan mantera berdasarkan tujuan ia diadakan.

Each sewang performance is conducted by a juru sewang. The juru sewang will sing until he loses consciousness or faint. If the juru sewang or executant faints, he will be revived by the halak. Dancers will dance around the stage in a circular motion to form a circle. The sewang movements comprise of a dance to the rhythm of the centung (musical instrument), song, incantation and spell based on the purpose for which the sewang is being held.

Menurun melalui kaedah bersewang atau *bersawai* biasanya dijalankan oleh seorang ketua yang dinamakan *halak* atau pawang. Beliau membacakan mantera dalam bentuk nyanyian.

Nyanyian biasanya diiringi dengan alat-alat muzik yang dimainkan oleh golongan wanita atau lelaki. Seni kata lagu diperolehnya melalui mimpi dan mempunyai alamat-alamat tertentu. Setelah tafsiran diperoleh, upacara ini dilakukan pada waktu malam dan kadangkala hingga awal pagi selama tiga hingga tujuh hari berturut-turut bergantung kepada makanan yang ada dan jayanya sesuatu hajat yang dipohon.

The act of menurun by conducting a sewang or sawai, is typically carried out by a leader called the halak or shaman. They will recite a spell in the form of a song, and the singing is usually accompanied by musical instruments played by men or women. The lyrics of the song are obtained through dreams and can possess certain omens. After an interpretation is obtained, a ceremony will be held at night, sometimes lasting until the early morning, continuing for three to seven consecutive days, depending on the food available and the success of the request desired.

Terdapat dua kategori sewang iaitu Sewang Pantang dan Sewang Umum dengan pelbagai pecahan jenisnya. Jenis-jenis sewang ini digunakan di dalam upacara sewang yang mempunyai nama, fungsi, penyampaianya dan semangat yang diseru dengan sedikit perbezaan. Perbezaan-perbezaan yang berlaku tidak dapat dielakkan akibat asimilasi atau adaptasi atas dasar tuntutan anggota masyarakat yang berhubung rapat dengan persekitaran semasa, tuntutan pengamal perubatan/pengendali dan berterusan dalam sesuatu jangka masa yang tidak ditetapkan.

There are two main categories of sewang, which are the Sewang Pantang and Sewang Umum, each with several variants. These types of sewang are used in sewang ceremonies that have names, functions, methods of delivery and spirits that are invoked with a slight difference. The differences that occur are inevitable due to assimilation or adaptation based on the demands of members of the community that are closely related to the current environment, as well as the demands of the medical practitioner/executant, and they continue for an undetermined time period.

24 | SEWANG TEMIAR

Pada kebiasaannya sewang dilangsungkan pada waktu malam untuk membolehkan *halak* berurusan dengan makhluk halus. Namun, tuntutan semasa membenarkan masyarakat Orang Asli mengadakannya pada siang hari untuk upacara keramaian. Sewang ini terbahagi kepada pelbagai jenis dan upacara di kalangan masyarakat Orang Asli.

Typically, the sewang is carried out at night to enable the halak to have dealings with supernatural beings. However, current demands permit the Orang Asli community to conduct them during the day for celebrations. This form of sewang is divided into several types and ceremonies among the Orang Asli community.

Kelengkapan Sewang ***Equipment for Sewang***

Sewang merupakan upacara yang menggabungkan nyanyian, tarian, muzik, pengucapan, magis dan penyertaan menyeluruh ahli yang tinggal di sesebuah kampung dengan empat tujuan yang khusus iaitu mengubat penyakit, memuja sebagai memohon, membuat ikrar dan menyatakan kesyukuran, memulihkan semangat dan hiburan. Secara khususnya Sewang mengandungi komponen-komponen berikut seperti *shaman* (ketua upacara), penyanyi latar/korus, pemuzik, lagu, alat-alat muzik, penari, rumah sewang dan peserta.

The sewang is a ceremony that combines singing, dancing, music, words, magic and the involvement of all members of a village, and it is carried out with four specific intentions, namely to heal an illness, worship and make a request, make a pledge and express gratitude, restore morale and for entertainment. Specifically, the sewang contains the following components, like the shaman (leader of the ceremony), backsinger/chorus singers, musicians, songs, musical instruments, dancers, the rumah sewang and participants.

Shaman *Shaman*

Upacara sewang ini dikendalikan oleh pengamal perubatan tradisional atau seorang *shaman* yang disebut *halak*, pawang atau dalam masyarakat Che Wong dipanggil *putou* (Wan Nor Hafizan, 2016). Dalam masyarakat Temiar, *halak* memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sosial dan juga hal-hal yang berkaitan dengan kepercayaan. Di samping itu, dukun pelatih ilmu kebatinan juga boleh mengendalikan upacara ini. Upacara-upacara boleh dikendalikan oleh seorang atau lebih *shaman*, lelaki atau wanita secara khususnya *halak* mempunyai ilmu atau pengetahuan dan kuasa luar biasa yang agak terbatas dan hanya boleh mengendalikan upacara menyembuhkan penyakit.

The sewang ceremony is conducted by a practitioner of traditional medicinal or shaman called a halak, pawang or in the Che Wong community, a putou (Wan Nor Hafizan, 2016). In the Temiar community, the halak plays an important role in social life and matters regarding belief. In addition, shamans who are training in mysticism may also conduct this ceremony. These ceremonies can be conducted by one or more shamans, men or women, and specifically a halak with rather limited knowledge and powers, who can only perform healing ceremonies.

Halak memperoleh kuasanya daripada pengiring yang dimiliki iaitu *gunik* (Itam Kinwel, temubual, 8 Ogos 2010). Pawang pula memiliki *elmu* yang lebih luas. Di samping memiliki *gunik*, pawang berkebolehan menghubungi kuasa-kuasa ghaib yang berkedudukan tinggi seperti keramat dan penjaga sesebuah wilayah Orang Asli yang dikenali sebagai *maai dengrii*. Bidang *elmu* yang tinggi membolehkan pawang mengendalikan upacara yang lebih besar selain mengubati penyakit seperti upacara-upacara yang berkaitan dengan tanah, memulihkan atau mencuci kampung, mengadakan jamuan kepada keramat, memulihkan semangat dan seumpamanya. *Halak* adalah orang perantara di antara roh, *ruwai*, makhluk halus dan alam ghaib dengan manusia. *Halak* merupakan seorang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat Temiar. Beliau juga memainkan peranan yang sangat penting dalam

26 | SEWANG TEMIAR

pengurusan kematian. Dukun pelatih pula terdiri daripada orang kebanyakan yang baru menuntut untuk menjadi *halak*. Dengan bimbingan *halak* atau pawang, pelatih diminta untuk mengubati penyakit yang tidak begitu serius. Di samping itu, mereka juga sering diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan sewang yang diadakan untuk hiburan.

The halak obtains his powers from the guiding spirits he has, called the gunik (Itam Kinwel, interview, 8 August 2010). The pawang, on the other hand, has a broader elmu. In addition to having the gunik, the pawang is capable of contacting highly positioned supernatural forces like a keramat and the guardian of Orang Asli territories known as maai dengrii. A higher field of elmu enables a pawang to conduct bigger ceremonies and heal illnesses, such as ceremonies related to the earth, restoring or cleansing a village, hosting a feast for the keramat, restoring the spirit and so on. The halak is an intermediary between souls, ruwai, supernatural beings, the supernatural world and humans. The halak is also someone with a high position in the Temiar community. He plays a very important role in the management of death. Trainee dukuns, on the other hand, comprise of commoners who have just started learning to become a halak. With the guidance of a halak or pawang, trainees are asked to treat less serious illnesses. In addition, they are also given the responsibility to conduct sewangs that are held for entertainment.

Dalam masyarakat Temiar, *halak* dikenali sebagai 'senoi berhalak' bermaksud orang yang mempunyai keupayaan untuk *trance* atau berada dalam keadaan separa sedar untuk berkomunikasi dengan alam ghaib. Seseorang diiktiraf sebagai *halak* selepas melalui beberapa siri mimpi bertemu haiwan liar seperti harimau yang menawarkannya menjadi *halak*. Beliau hendaklah membuat perjanjian menerima haiwan ini sebagai pendamping yang dikenali sebagai *gunig*. Perjanjian ini termasuk mematuhi pantang larang tidak memakan dan membunuh haiwan tertentu (Carey, 1976). Sewang mempunyai peranan penting dalam kehidupan spiritual masyarakat Temiar, oleh yang demikian penghormatan terhadap seseorang *halak* diukur melalui sebanyak mana ia memiliki lagu - lagu sewang.

In the Temiar community, the halak is known as 'senoi berhalak,' meaning someone who has the ability to fall into a trance or stay in a semi-conscious state to communicate with the supernatural world. Someone is recognised as a halak after experiencing a series of dreams of meeting a wild animal, like a tiger, that offers him the position of being a halak. He must make an agreement to accept the animal as a guiding spirit, known as gunig. This agreement includes adhering to taboos of not eating and killing certain animals (Carey, 1976). The sewang has an important role in the spiritual life of the Temiar community, therefore the respect accorded towards a halak is measured through the number of sewang songs that he possesses.

Penyanyi Latar / Korus ***Backup Singer / Chorus Singer***

Penyanyi latar hanya terdiri daripada kaum wanita, dikenali sebagai biduan. Biduan mengajuk seni kata dan melodi nyanyian *halak* dalam bentuk korus. Dalam nyanyian ini, nyanyian *halak* dan korus berlangsung secara berselang seli.

Backup singers are comprised of only women, and are known as biduan. The biduan mimic the lyrics and melody of a halak's singing in a chorus. In this form of singing, the halak and chorus sing alternately.

Pemuzik ***Musician***

Pemuzik terdiri daripada lelaki dan wanita. Lelaki memukul gendang dan memalu gong manakala wanita memainkan buluh *centong* secara menghentakkannya ke atas sebatang kayu yang sederhana panjang dan panjang, yang diletakkan di hadapan para biduan. Pemain *centong* juga turut berperanan sebagai penyanyi latar (korus). Mereka memainkan *centong* sambil melakukan nyanyian korus.

28 | SEWANG TEMIAR

Musicians comprise of men and women. The men play the drums and gong, while the women play the bamboo centong by hitting it on medium and long pieces of wood that are placed in front of the biduan. The centong players also have a role as backup singers (chorus). They play the centong while singing the chorus.

Lagu Song

Lagu sewang berirama mendayu-dayu, menyerupai lagu-lagu upacara orang bukit di Thailand, terutama kelompok yang bertutur dalam bahasa *Austroasiatik Monkhmer*. Lagu sewang mengandung seni kata yang memuja kuasa-kuasa ghaib selain memuji keindahan alam dan mengakui akan kelemahan manusia dan memohon perlindungan kuasa ghaib. Lagu-lagu sewang dikarang oleh *halak* dan *pawang* berdasarkan mimpi dan unsur-unsur alam seperti kelicap, bunyi serangga, desir angin melalui daun-daun, aliran air dan jeram, deru ombak dan sebagainya.

Sewang songs have a lilting rhythm, resembling the ceremonial songs of the hill people of Thailand, particularly groups that speak the Austroasiatic Monkhmer language. The lyrics of sewang songs tend to worship supernatural powers, praise the beauty of nature, admit the weaknesses of human beings and seek the protection of supernatural powers. Sewang songs are composed by the halak and pawang based on dreams and natural elements like hummingbirds, the sounds of insects, the rustling of the wind through the leaves, the flow of water and rapids, the crashing of waves and others.

Alat Muzik *Musical Instrument*

Dalam sewang, alat muzik yang digunakan ialah beberapa pasang buluh *centong*, sebuah atau beberapa buah gendang dan juga sebuah gong. Setiap sepasang buluh *centong* melambangkan sepasang lelaki dan wanita, *centong* yang panjang melambangkan lelaki, manakala yang pendek melambangkan wanita. Bahagian tepi permukaan gendang disimbolkan sebagai wanita manakala bahagian tengahnya disimbolkan sebagai lelaki. Gong pula mewakili keduanya lelaki dan wanita.

In the sewang, the musical instruments used consist of several pairs of bamboo centong, one or a few drums and a gong. Each pair of bamboo centong symbolises a man and a woman, with the longer centong representing a man, and the shorter one representing a woman. The sides of the drums also symbolise a woman, while its middle symbolises a man. The gong, however, represents both a man and a woman.

Penari *Dancer*

Seluruh penduduk sesebuah kampung, lelaki dan wanita mengambil bahagian. Namun demikian, kanak-kanak tidak dibenarkan menyertai tarian ini kerana mereka memiliki *ruwai* yang lemah dikhuatiri *ruwai* mereka akan diambil oleh *nyanik* yang turut datang menghadiri upacara tersebut.

Everyone who lives in a village, men and women alike, take part. Children, however, are not allowed to participate in this dance as they possess weak ruwai, and it is feared that their ruwai will be taken by the nyanik that have also attended the ceremony.

Balai Sewang *Balai Sewang*

Upacara ini diadakan di rumah kediaman biasa ataupun balai khas yang dibina untuk upacara ini. Balai khas biasanya dibina mengikut konsep ruang terbuka. Balai ini beratap penuh manakala bahagian dindingnya dibiarkan terbuka. Ada juga balai sewang yang hanya mempunyai separuh dinding, iaitu pada bahagian bawahnya untuk mengelakkan orang-orang yang tertidur ditiup angin atau terdedah kepada embun. Lantai pula diperbuat daripada bilah-bilah buluh yang dibelah kasar, dibuang sembilunya dan dijalin pada gelegar dengan menggunakan rotan. Pada salah satu bahagian hujung balai dibina sebuah pentas kecil, yang tingginya kira-kira 0.5 meter dari lantai. Ruang rumah terbahagi kepada dua iaitu ruang lapang yang luas menempatkan para pemuzik dan penyanyi latar dan ruang tepi yang merupakan tempat para peserta duduk dan tidur.

This ceremony is usually held at a typical home or a special hall that is built for the ceremony. The special hall is usually built in an open concept, with a roof, but no walls. There are also balai sewang built with short walls that cover only the lower half to prevent those who have fallen asleep from being exposed to the wind or dew. The floor, on the other hand, is made of blades of bamboo that have been roughly split, with the splinters removed and braided at the joists with rattan. At a corner of the balai, a small stage is built, at a height of around 0.5 metres from the floor. The house is divided into two sections, comprising of the spacious ruang lapang for the musicians and backup singers, as well as the ruang tepi, where the participants will sit and sleep.

Peserta *Participants*

Para peserta upacara ini terdiri daripada penduduk kampung itu sendiri. Bagi upacara mengubat penyakit, penglibatan penduduk tidak menyeluruh. Peserta biasanya terdiri daripada penghuni rumah dan saudara-mara terdekat, manakala bagi upacara yang lebih besar, seperti mencuci kampung melibatkan seluruh

penduduk sebagai tanggungjawab bersama. Mereka bergotong royong menyediakan peralatan dan memastikan upacara berjalan sempurna dan mematuhi setiap pantang larang. Upacara mencuci kampung ini masih lagi diamalkan oleh masyarakat Semai dan dikenali sebagai *ngenggulang* atau memulihkan semangat.

The participants in this ceremony comprise of the villagers themselves. For healing ceremonies, the involvement of the villagers is not usually comprehensive, and the participants are usually occupants of nearby homes and close relatives. For larger ceremonies, like the cleansing of a village, all the villagers become involved as it is a collective responsibility. They work together to prepare the equipment and ensure the ceremony goes smoothly, while adhering to every taboo. The village cleansing ceremony is still practiced by the Semai community today and called the ngenggulang or spirit restoration ceremony.

Tujuan Sewang ***Purpose of the Sewang***

Ada beberapa tujuan sewang diadakan. Segala peralatan, penyertaan dan kendaliannya mengikut tujuannya yang tertentu. Tujuan penting upacara diadakan adalah untuk mengubati penyakit, pemujaan serta kesyukuran, sebagai hiburan dan memulihkan semangat.

The sewang can be held for several purposes. All the equipment used, as well as the involvement and handling concerned are related to specific objectives. Important purposes for holding the ceremony are healing illnesses, worship and expressing gratitude, entertainment and restoring the spirit.

Sewang Penyembuhan Penyakit *Sewang for Healing Illnesses*

Upacara untuk tujuan ini dikendalikan oleh pawang besar atau *halak*. Bagi orang Semai dan Temiar, upacara dilaksanakan mengikut kepercayaan bahawa seseorang itu akan jatuh sakit jika *ruwai* seseorang itu sesat atau ditawan oleh makhluk halus iaitu *nyanik*. Sekiranya *ruwai* mati atau dimakan *nyanik*, pesakit akan menerima nasib yang sama iaitu mati. *Ruwai* setiap manusia bersifat manusia, atau seperti haiwan atau reptilia. Jika *ruwai* kuat, semangat atau *ruwai* akan bersifat seperti manusia atau haiwan dan reptilia yang kuat, gagah dan buas. Sifat ini ditakuti oleh *nyanik*. *Nyanik* akan menangkap atau memakan *ruwai* yang lemah.

This ceremony is conducted by the pawang besar or halak. For the Semai and Temiar, the ceremony is carried out according to the belief that someone will fall sick if their ruwai is lost or has been captured by a supernatural being called nyanik. If the ruwai dies or is eaten by nyanik, the patient will receive the same fate and die. Each person's ruwai has either human, animal or reptilian characteristics. If the ruwai is strong, the spirit or ruwai will have human characteristics, or the traits of a strong, mighty and fierce animal or reptile. These characteristics are feared by nyanik, but it will capture and eat weak ruwai.

Penyakit juga disebabkan oleh keteguran iaitu seseorang ditegur oleh roh *nyanik*, tersentuh anggota badan *nyanik*, membuang air kecil atau besar serta meludah atau merosak tempat kediaman *nyanik* ataupun *nyanik* masuk ke dalam tubuh badan seseorang. Upacara penyembuhan akan diadakan di rumah pesakit. *Halak* akan mengenal pasti punca penyakit, kemudian penyakit diubat dengan jampian atau dengan kaedah menyedut penyakit daripada badan (*tohor*). Proses ini berpunca daripada kesilapan interaksi dengan *nyanik*. Upacara yang lebih besar diadakan jika penyakit berpunca daripada kehilangan *ruwai* daripada tubuh.

An illness can also be caused by being reprimanded by nyanik's spirit, touching part of nyanik's body, urinating or defecating on, as well as spitting on or destroying nyaniik's dwelling, or nyanik possessing someone's body. The healing ritual will be held at the patient's home. The halak will identify the source of the illness, then the illness will be treated with spells or by extracting the illness from the body (tohor). This process stems from an error that occurred during an interaction with nyanik. A larger ceremony is held if the illness is caused by the loss of ruwai from the body. The ceremony requires the involvement of many of the patient's family members. If the healing process is successful, gunik will take ruwai home, then heal and return to its original position on the crown of a patient's head.

Dalam sewang penyembuhan, *halak* atau *pawang* akan berdiri menyanyi sambil mengibas-ngibaskan badannya dengan daun palma. Pesakit duduk atau berbaring di sisinya. Penyanyi latar dan pemain muzik duduk di belakang sambil memainkan peranan masing-masing. Seni kata lagu berkisar kepada seni kata yang memuji sifat-sifat mulia *gunik*. Sambil memuji, *halak* menjemput *gunik* tersebut supaya datang dan menawarkan pertolongan. Dalam masa yang sama, muzik dimainkan dan tarian berlangsung sebagai tanda menyambut kehadiran *gunik*. Apabila *gunik* sampai, ia akan memasuki tubuh *halak* menyebabkan *halak* atau *pawang* menurun atau *tloh*.

In a healing sewang, the halak or pawang will stand and sing as he sweeps his body with palm leaves. The patient will sit or lie down on his side. The backup singers and musicians are seated in the back while playing their own roles. The lyrics of the song revolve around praising gunik's noble character. As he sings praises, the halak invites gunik to appear and offer help. At the same time, the music is played and dancing takes place to welcome gunik's presence. When gunik arrives, it will enter the halak's body, causing the halak or pawang to menurun or tloh.

Upacara sewang penyembuhan berlangsung dalam jangka waktu yang pendek. Ia hanya memakan masa separuh malam, bergantung kepada ketibaan *gunik*. Kadang-kadang *gunik* datang cepat, kadang-kadang lewat dan ada juga yang tidak datang langsung.

34 | SEWANG TEMIAR

Upacara penyembuhan berlangsung selama tiga malam. Pada malam pertama, *halak* merundingkan syarat pertukaran dengan *gunik*. Keesokannya, ahli-ahli keluarga pesakit akan menyediakan peralatan yang diperlukan *gunik*. Upacara ini berakhir apabila *gunik* keluar daripada tubuh *halak* dan menjalankan tugasnya seperti yang dipersetujui. Barang-barang pertukaran ini lazimnya terdiri daripada sebuah balai (*balei*). Di dalamnya, diletakkan beraneka jenis makanan dan sebuah patung kayu yang berbentuk manusia. Di malam ketiga (terakhir), iaitu malam pertukaran, *halak* akan meminta *gunik* membawa pulang *ruwai* dan kemudiannya meminta *gunik* tersebut membawa *balei* yang disediakan untuk *nyanik* terbabit.

A sewang conducted for healing purposes only lasts for a short period. It will only take half the night, depending on the arrival of gunik. Sometimes, gunik arrives quickly, sometimes late and sometimes not at all. The actual healing ceremony, on the other hand, lasts for three nights. On the first night, the halak negotiates the terms of exchange with guniik. The next day, the patient's family members will prepare the equipment needed by gunik. The ceremony ends when gunik leaves the halak's body and carries out its duties as agreed. The items exchanged usually consist of a balai (balei). Placed inside it are a variety of foods and a human-shaped doll made of wood. On the third (final) night, which is the night of the exchange, the halak will ask gunik to take ruwai home, and then requests gunik to take the balei that was prepared for the nyanik involved.

Sewang Mencuci Kampung *Sewang for Cleansing Villages*

Upacara ini dikendalikan oleh pawang dan memerlukan penyertaan menyeluruh penduduk kampung. Ia bertujuan untuk membersihkan kampung khususnya selepas berlaku sesuatu malapetaka seperti tanah runtuh yang mengorbankan nyawa. Selain itu ia juga bertujuan untuk memohon keizinan membuka sesuatu kawasan untuk penempatan atau ladang dan sebagai tanda bersyukur selepas selesai menuai padi bukit. Dalam upacara ini, pawang tidak boleh berhubungan dengan makhluk - makhluk halus yang berdarjat tinggi dan menjadi penjaga kawasan yang

sedang mereka duduki atau ladang yang sedang mereka kerjakan. Upacara membersihkan kampung biasanya diadakan selepas sesuatu bencana melanda. Menurut kepercayaan, sesuatu bencana alam atau penyakit yang melanda penduduk sesebuah kawasan diakibatkan oleh kemarahan penjaga bumi atau makhluk-makhluk halus yang menjadi penunggu kawasan tersebut. Makhluk-makhluk ini akan marah apabila manusia tidak menghormati pantang-larang, bersikap zalim kepada makhluk yang lain seperti menebang pokok, membunuh binatang dan merosakkan bumi sesuka hati dan mengancam keharmonian masyarakat seperti suka berkelahi sesama sendiri, fitnah-memfitnah dan seumpamanya.

This ceremony is conducted by the pawang and requires the involvement of the entire village. Its purpose is to cleanse the village, especially after a disaster had taken place, such as a landslide that claimed lives. Besides this, its purpose is also to seek permission for opening an area for a settlement or field, and as a sign of gratitude after completing the hill paddy harvest. In this ceremony, the pawang cannot communicate with high-ranking supernatural beings and becomes the guardian of an area where they are staying, or a field where they are working on. The village cleansing ceremony is usually held after disaster has struck. According to their belief, a natural disaster or illness that plagues the villagers of a certain area, is caused by the wrath of the land's guardians or supernatural beings that have become the penunggu of that area. These beings become angry when humans disrespect taboos, are cruel towards other living beings like cutting down trees, killing animals and destroying the land at will, as well as threaten the harmony within a community by fighting among themselves, slandering each other and so on.

Dalam upacara membersihkan kampung, pawang memuja dan memujuk penjaga bumi dan makhluk-makhluk yang lain supaya meredakan kemarahannya dan memaafkan kesilapan penduduk pada masa yang lalu. Upacara ini berlangsung selama tiga malam berturut-turut. Pada masa yang sama, pawang mempelawa makhluk-makhluk halus tersebut untuk hadir menjamu selera di majlis kenduri yang diadakan pada malam ketiga. Penduduk akan menyediakan peralatan-peralatan untuk jamuan tersebut, biasanya berupa sebuah *sangkak* yang dipacakkan di atas tanah ataupun

36 | SEWANG TEMIAR

sebuah *balei* yang ditempatkan di dalam rumah tempat upacara sewang tersebut berlangsung. Di atas *sangkak* atau *balei* ini diletakkan beraneka jenis makanan. Pada malam ketiga, pawang akan menjemput makhluk-makhluk ini menjamu selera. Dalam masa yang sama, nyanyian muzik sewang akan berlangsung tanpa henti. Dalam nyanyiannya, pawang akan memohon perlindungan dan memperbaharui ikrar penduduk untuk bersikap mulia sesama makhluk dan menghormati kuasa-kuasa ghaib. Dia juga akan menyediakan unsur-unsur teguran dan nasihat tentang kewajiban dan tanggungjawab masing-masing.

In the village cleansing ceremony, the pawang worships and appeases the guardians of the earth, as well as other beings in order to pacify their anger so that they would forgive the villagers' past mistakes. This ceremony lasts for three consecutive nights. At the same time, the pawang invites the supernatural beings to dine at the feast that will be held on the third night. Villagers will prepare the equipment for the feast, usually in the form of a sangkak that is stuck into the ground or a balei that is placed inside the house where the sewang ceremony is being carried out. A variety of food will be placed on the sangkak or balei. On the third night, the pawang will invite the supernatural beings to feast. At the same time, the singing of sewang music will be performed non-stop. In his singing, the pawang will ask for protection and renew the villagers' vows to be noble towards other beings and respect supernatural forces. He will also prepare reprimanding elements and offer advice on everyone's duties and responsibilities

Upacara sewang untuk tujuan ini biasanya berlangsung sehingga awal pagi kerana proses mempelawa dan membuat jemputan, yang diadakan pada malam pertama dan kedua, haruslah dilakukan secara berulang-ulang supaya dapat diterima dengan jelas oleh makhluk-makhluk sasaran. Upacara pada malam ketiga juga berlangsung sehingga awal pagi untuk memastikan semua makhluk yang dijemput dapat hadir dan menjamu selera. Perbezaan darjat antara makhluk halus tersebut menyebabkan mereka hadir secara bergilir-gilir. Dalam upacara kesyukuran, pawang menyampaikan rasa kesyukuran dan terima kasih mereka kepada penjaga bumi dan penunggu kawasan kerana hasil atau

tuaian yang lumayan. Penghargaan ini dimanifestasikan melalui kenduri yang diadakan pada malam ketiga. Dalam masa yang sama, pawang memperbaharui ikrar kepada makhluk-makhluk tersebut dan memohon perlindungan mereka untuk musim yang berikutnya. Sebagai meraikan makhluk halus yang menjadi tetamu. Nyanyian, muzik dan tarian dipersembahkan tanpa henti supaya para tetamu terhibur sambil menjamu selera justeru dapat membukakan pintu hati mereka untuk memberikan perlindungan serta memberikan rezeki yang lebih baik pada musim yang berikutnya.

The sewang ceremonies that are held for this purpose are usually carried out until the early morning, because the process of inviting and making invitations, which is held on the first and second nights, must be done repeatedly so that it is clearly received by the intended beings. The ceremony held on the third night also lasts into the early morning, to ensure that all the beings invited may attend and feast. Differences in rank among the supernatural beings cause them to arrive in turn. In ceremonies held for expressing gratitude, the pawang conveys their gratitude and thanks to the guardians of the earth and penunggu of the area for a lucrative yield or harvest. This recognition is manifested through a feast that is held on the third night. At the same time, the pawang will renew their oaths to the supernatural beings and ask for their protection in the coming season. To celebrate their guests the supernatural beings, they sing, play music and dance non-stop so that the guests are kept entertained as they feast, thus appeasing them into providing better protection and sustenance in the following season.

Dalam upacara meminta kebenaran untuk membuka sesuatu kawasan pula, pawang menggunakan dua malam pertama untuk menyampaikan permohonannya dan menyatakan tujuan penduduk memerlukan kawasan tersebut sama ada untuk membuka ladang atau kawasan penempatan. Reaksi penjaga bumi dan penunggu-penunggu diperoleh melalui mimpi pawang pada malam pertama dan kedua. Sekiranya kebenaran untuk menggunakan kawasan itu diperoleh, kenduri akan dipersembahkan pada malam ketiga sebagai tanda terima kasih. Sekiranya kebenaran gagal diperoleh, sewang tetap diadakan tetapi untuk meminta maaf kerana mengganggu makhluk-makhluk tersebut pada dua malam sebelumnya. Di samping itu, penduduk terpaksa mencari kawasan baru dan mengadakan upacara yang sama sehingga kebenaran diperoleh.

38 | SEWANG TEMIAR

On the other hand, in ceremonies that are held to seek permission for opening new land, the pawang will use the first two nights to convey his requests and state why the villagers need the area, whether to open a farm or a settlement. The reaction of the guardians of the earth and penunggu are obtained through the pawang's dream on the first and second nights. If permission is obtained, a feast will be presented on the third night as a gesture of thanks. However, if permission cannot be obtained, the sewang will still be carried out, but to seek forgiveness for disturbing the supernatural beings two nights before. In addition, the villagers must look for a new area and have the same ceremony again until permission is obtained.

Sewang Memulihkan Semangat ***Sewang for Restoring Spirits***

Upacara ini diadakan selepas sesuatu kematian berlaku dan dianggap sebagai ritual membuka pantang kematian. Dalam kalangan masyarakat Semai dan Temiar, upacara ini dinamakan *tenamoh* dan diadakan pada hari ke-100 selepas kematian dan selesai tempoh berkabung. Namun terdapat beberapa pandangan lain tentang tempoh berkabung, menurut Amir et.al. (2016) tempoh berkabung bagi masyarakat Temiar di Kuala Mu Sungai Siput ialah antara tiga hingga enam bulan malah sehingga satu tahun. Manakala menurut Benjamin (2014) tempoh berkabung melibatkan kematian orang dewasa ialah enam bulan manakala kanak-kanak sekitar satu bulan. Dalam tempoh berkabung segala kegiatan harian mereka terbatas sebagai menandakan kesedihan di atas kehilangan salah seorang komuniti mereka. Selain itu, kematian juga diibaratkan satu kekotoran yang melekat pada tubuh setiap penduduk kampung menyebabkan makhluk-makhluk pelindung dan pemberi rezeki berasa jijik untuk mendekati komuniti tersebut. Apabila mencapai 100 hari, penduduk kampung mengadakan upacara sewang bertujuan untuk mencuci segala kekotoran yang terlekat pada tubuh badan dan memulihkan hubungan dengan makhluk-makhluk halus.

This ceremony is held following a death and is considered a ritual for membuka pantang kematian. In the Semai and Temiar communities, this ceremony is called tenamoh, and it is held 100 days after a death or once the mourning period is over. However, there are several opinions regarding the length of the mourning period. According to Amir et.al. (2016) the mourning period of the Temiar community in Kuala Mu Sungai Siput is between three to six months and may even extend to a whole year. Meanwhile, according to Benjamin (2014), the mourning period for the passing of an adult is six months, whereas for children it is around a month. During the mourning period, all daily activities are restricted as a sign of bereavement, due to the loss of a member of their community. In addition, death is likened to a stain that attaches to the bodies of each villager, causing the spirits that offer protection and sustenance to feel disgusted and refrain from coming near the community. Upon reaching 100 days, the villagers will conduct a sewang ceremony to cleanse all the impurities that are attached to their bodies and restore their relationships with the supernatural beings.

Ritual ini melibatkan persiapan dari segi dekorasi dan peralatan ritual dengan tujuan untuk membangkitkan unsur kerasukan bagi membolehkan kehadiran semangat (Amir et.al. 2018). *Tenamoh* berlangsung sepanjang malam selama tiga malam berturut-turut dan dikendalikan oleh *halak* atau pawang. Pada dua malam yang pertama, lagu-lagu sewang mengandungi pengucapan yang memohon agar makhluk-makhluk halus sudi memberikan "buih pembersihan" untuk membolehkan penduduk kampung tersebut membersihkan tubuh badan mereka. Pada hari terakhir upacara (hari ketiga), anggota kampung menyediakan air wangi-wangian (*penawat*) yang diperbuat daripada adunan tumbuh-tumbuhan hutan hujan tropika. Pada malam terakhir, *halak* atau pawang menjemput makhluk-makhluk pelindung dan pemberi rezeki untuk mencurahkan buih-buih pembersihan ke dalam adunan air wangi-wangian tersebut, yang kemudiannya digunakan untuk memandikan semua anggota kampung, terutamanya anggota keluarga terdekat dengan si mati. Sekiranya bilangan ahli penduduk kampung terlalu besar, sebahagian daripada air penawat tersebut digunakan oleh *halak* atau pawang untuk merenjiskan kepala atau memandikan secara simbolik penduduk kampung yang lain.

40 | SEWANG TEMIAR

This ritual involves the preparation of decorations and equipment that evoke the elements of possession, which enable the spirits to be present (Amir et.al. 2018). The tenamoh will take place all night for three consecutive nights and is conducted by the halak or pawang. For the first two nights, the sewang songs contain utterances that ask the supernatural beings if they are willing to provide “buih pembersihan” (cleansing bubbles) that will enable the villagers to purify their bodies. On the final day of the ritual (third day), the villagers will prepare fragrant waters (penawat) that are made from the mixture of plants from the tropical rainforest. On the final night, the halak or pawang will invite the protective and sustenance-giving beings to pour cleansing bubbles into the mixture of fragrant water, which is then used to bathe all the villagers, especially the deceased’s closest family members. If the number of villagers is too large, the halak or pawang will sprinkle a portion of the curative water onto the heads of the villagers, or symbolically bathe the other villagers.

Sewang Hiburan dan Keraian ***Sewang for Entertainment and Celebration***

Upacara sewang untuk hiburan diadakan sekali-sekala dan dikendalikan sama ada oleh *halak*, pawang atau dukun pelatih atau gabungan ketiga-tiga pengamal ini. Ia diadakan sempena meraikan sesuatu upacara yang istimewa seperti perkahwinan, menyambut tetamu dan seumpamanya. Pada hari ini, umpamanya, masyarakat Temiar di Gombak mengadakan upacara sewang sempena menyambut kedatangan tahun baru. Upacara ini juga berlangsung selama tiga malam berturut-turut. Dalam upacara ini, *halak*, pawang atau dukun pelatih akan memanggil semangat pembantu untuk melindungi keselamatan dan kesihatan para peserta, khususnya daripada ancaman kuasa ghaib (*nyaniik*) yang lain. Pemujaan semangat pembantu, biasanya diadakan pada awal malam. Selepas itu, upacara disambung dengan nyanyian, muzik dan tarian. Dalam nyanyian untuk hiburan, pengucapan *halak*, pawang ataupun dukun pelatih tertumpu kepada puji-pujian terhadap keindahan alam, doa kepada tetamu dan peserta agar sentiasa selamat serta menyelitkannya dengan tegur-teguran dan nasihat. Sewang untuk hiburan disamping untuk menghiburkan mempunyai matlamat memberi kesedaran kepada masyarakat supaya sentiasa bersatu padu dan melestarikan alam.

Sewang ceremonies for entertainment are held occasionally and are conducted either by the halak, pawang or trainee dukun, or a combination of all three practitioners. They are held in conjunction with a special celebration, like a wedding, welcoming guests and others. Today, for example, the Temiar community in Gombak conduct sewang ceremonies to welcome the New Year. This ceremony also lasts for three consecutive nights. In this ceremony, the halak, pawang or trainee dukun will call upon the spirit of pembantu to protect the safety and wellbeing of the participants, particularly from the threat of other supernatural beings (nyaniik). The invocation of the spirit of pembantu is usually done at night. Following that, the ceremony continues with singing, music and dancing. The songs sung for entertainment and the speech delivered by the halak, pawang or trainee dukun are focused mainly on praises towards the beauty of nature, prayers for the safety of the guests and participants, as well as the inclusion of a few admonishments and advice. Besides being for amusement, sewang for the purpose of entertainment also aims to spread community awareness on the importance of staying united and treating nature sustainably.

BAB 3

SEWANG PEHNOOH / PEH POH DI RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA (RPS) KEMAR

CHAPTER 3

*THE SEWANG PEHNOOH / PEH POH
AT THE KEMAR*

REGROUPMENT PLAN (RPS)

Pehnooh / Peh Poh ***Pehnooh / Peh Poh***

Pehnooh atau *Peh Poh* merupakan tarian yang mengandung unsur kerasukan di mana penari itu akan berada dalam keadaan dunia separa sadar atau disebut sebagai *leslass* dengan niat untuk memanggil semangat. Misalnya seperti *pehnooh jehwah* atau secara literalnya bermain dengan pemujaan (Jennings, 1995). Disebabkan ia mempunyai tujuan yang berhubung dengan pemanggilan pembimbing semangat, maka sekurang-kurangnya terdapat persiapan dekorasi dan peralatan ritual dalam keadaan yang minimal yang turut melibatkan kegiatan nyanyian, tarian dan khayalan. Dalam situasi ini, lazimnya *halak* atau individu yang sedang belajar menjadi *halak* akan secara spontan mempersembahkan perawatan *tenhool* di bahagian kepala kanak-kanak atau individu yang berasa tidak sihat (Jennings, 1995).

The Pehnooh or Peh Poh is a ritual dance that contains elements of possession, in which the dancer will enter a subconscious state, also known as leslass, with the intention of invoking a spirit. An example of this is pehnooh jehwah, which literally means playing with worship (Jennings, 1995). Due to its purpose, which is related to invoking a spirit guide, at least a minimum amount of ritual decorations and equipment must be prepared, which also involves activities like singing, dancing and being in a trance. In this situation, typically a halak or an individual who is learning to become a halak, will spontaneously perform a treatment called tenhool at the head of a child or an individual who is unwell (Jennings, 1995).

Selanjutnya, upacara pemujaan masyarakat Temiar yang bersifat agak jelas adalah yang dikenali sebagai *pehnooh* atau *peh poh* yang mana ia upacara yang lengkap dipersembahkan dengan melibatkan tarian, nyanyian dan kerasukan yang juga dalam pada masa yang sama disertai dengan persiapan dari segi dekorasi dan peralatan ritual yang lengkap. Ia turut mempunyai elemen perawatan dan pengubatan. Dalam konteks ini, khayalan adalah merupakan elemen yang mendominasi berbanding elemen lain seperti tarian, maka

44 | SEWANG TEMIAR

dengan itu tarian umumnya dilakukan dalam gaya yang ringkas pada awal bahagian (Jennings, 1995). Upacara ini biasanya dilangsungkan untuk tujuan perawatan. Ia lazimnya diadakan di rumah seseorang individu yang sakit atau di balai jika seseorang itu boleh hadir ke sana. Perawatan dan pengubatan ini diselia oleh *halak* dalam keadaan ia memasuki keadaan separa sedar untuk berkhayal.

The worshipping ceremonies of the Temiar community have clear characteristics and are known as the pehnooh or peh poh, which is a ceremony that involves dancing, singing and possession. At the same time, it also involves the preparation of ritual decorations and equipment. It also has elements of healing or medicine. In this context, the trance is the most dominant element compared to others, such as dancing, and therefore the dancing is usually performed in a simple manner at the beginning (Jennings, 1995). This ceremony is usually carried out for the purpose of healing. It is typically performed at the home of the individual who is ill or at the balai if the person is able to attend. The healing and treatment is supervised by a halak, who is in a subconscious state, in order to enter into a trance.

Selain itu, upacara bersifat *pehnooh* atau *peh poh* yang paling dianggap sebagai paling hebat dan juga dianggap sebagai paling berbahaya oleh masyarakat Temiar adalah *pehnooh kebut* yang mana ia melibatkan unsur pemujaan dengan harimau (*tiger séance*) (Amir et.al.2016). Ciri-ciri upacara ini dikarekteristikkan misalnya menerusi pembinaan ruang binaan pelindung khusus untuk *halak* dan sesi pemujaan ini dilangsungkan dalam keadaan gelap (Amir et.al. 2016 ;Jennings 1995). Upacara ini secara umumnya berperanan untuk merawat individu yang sakit dan juga merawat dan menyelesaikan masalah yang melibatkan masyarakat seluruhnya.

In addition, the pehnooh or peh poh that is considered the most dangerous by the Temiar community, is the pehnooh kebut, which involves elements of tiger worship or a séance (Amir et.al. 2016). This ceremony is characterised by the construction of a protective space for the halak and a worshipping ceremony that is performed in the dark (Amir et.al. 2016 ;Jennings 1995). In general, the role of this ceremony is to heal a sick individual, as well as to treat and solve issues that may involve the entire community.

Keperluan *Requirements*

Dalam sesuatu upacara sewang perubatan atau *pehnooh/peh poh* beberapa keperluan dan kelengkapan serta peralatan perlu disediakan seperti balai sewang (balai penyembuhan), buluh *centong*, *halak*, tamu dan nong.

Several requirements and equipment are needed in a healing sewang ceremony or the pehnooh/peh poh, such as a balai sewang (healing hall), bamboo centong, halak, tamu and nong.

Balai Penyembuhan *Healing Hall*

Bagi upacara sewang penyembuhan di kampung ini, terdapat beberapa kelengkapan dan peralatan yang diperlukan untuk menghasilkan penyembuhan yang berkesan. Kelengkapan yang utama ialah tempat untuk mengadakan upacara sewang iaitu yang paling penting rumah pesakit, *balei*, deek sewang atau Sindol (Foto 1- 2).

To conduct a healing sewang in this village, several equipment and tools are required to produce effective healing. The main equipment needed is a place for holding the sewang ceremony, like the patient's home, balei, deek sewang or sindol (Photos 1- 2).



Foto 1: Balai Sindol (Balai Penyembuhan)
Photo 1: Balai Sindol (Healing Hall)
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 2: Pandangan bahagian kanan Balai Sindol
Photo 2: View of the right side of the Balai Sindol
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

48 | SEWANG TEMIAR

Balai Sindol merupakan rumah sewang yang digunakan oleh masyarakat Temiar di RPS Kemar, Grik, Perak untuk menjalankan upacara perubatan. Dipercayai balai tersebut merupakan satu-satunya balai perubatan yang dibina khusus sebagai sewang yang unik. Balai Sindol ini juga turut dijaga oleh Ketua Adat melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK).

The Balai Sindol is a sewang hall that is used by the Temiar community in RPS Kemar, Grik, Perak to conduct healing ceremonies. It is believed that this is the only balai that has been specifically built for healing and holding the sewang. This Balai Sindol is under the care of the Ketua Adat through Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK).

Elemen Seni Bina *Architectural Elements*

Balai sewang atau dalam bahasa masyarakat Temiar di RPS Kemar dipanggil Sindol ini diperbuat daripada bahan-bahan semulajadi yang mudah diperolehi seperti kayu hutan, buluh, rotan, daun dan pokok bertam. Buluh (*Bambusa sp*) merupakan bahan utama yang digunakan untuk membuat lantai dan dinding. Daun bertam (*Eugeissona tristis*) atau daun cucoh (*Calamus castaneus*) sebagai atap dan langit manakala batang pokok sebagai tiang, gelegar, rasuk, rabung, kekuda, tangga dan gelegar (Foto 3). Rotan digunakan untuk mengikat tiap tiap kayu ini kerana pembinaannya tidak menggunakan paku (Foto 4). Ketika upacara sewang berlangsung, lantai buluh, antaranya ialah daripada jenis buluh kiul akan memberikan kesan timbal balik, lembut dan beralun biarpun upacara sewang dilakukan secara beramai-ramai (Foto 5).

*The balai sewang, also called Sindol by the Temiar community in RPS Kemar, is made from easily- obtained natural materials like wood, bamboo, rattan and bertam. Bamboo (*Bambusa sp*) is the main material used for making the floors and ceilings. Bertam (*Eugeissona tristis*) or cucoh leaves (*Calamus castaneus*) are used for the roofing or ceilings, while tree trunks are used as the pillars, joists, beams, ridges, trusses and stairs (Photo 3). Rattan is used to tie the*

pieces of wood together, as the construction does not use nails (Photo 4). As the sewang ceremony is carried out, the bamboo flooring, which is soft and usually made from kiul bamboo, will bounce and undulate even though the ceremony is performed by a large group (Photo 5).

Terdapat juga penggunaan kulit kayu sebagai dinding balai sewang dalam masyarakat Temiar (Hamid & Mokhtar: 2017). Masyarakat Temiar yang mendiami kawasan sekitar Perak terutamanya di kawasan Batu Gajah, Simpang Pulai dan Hulu Kinta, menggunakan kulit kayu dari pokok Melaut. Pokok Melaut adalah jenis pokok tinggi dan besar dan menjadi pilihan kerana lebih mudah didapati di sekitar hutan kawasan tersebut. Selain dari itu, pokok Melaut ini juga mempunyai kulit yang lembut serta senang diproses untuk mendapatkan kulitnya. Pokok Melaut mempunyai kulit yang lebih lebar berbanding pokok-pokok lain dalam hutan sekitar kawasan tersebut kerana mampu menghasilkan sehingga 120 keping kulit kayu bagi sebatang pokok. Manakala masyarakat Temiar yang mendiami kawasan sekitar Ulu Kelantan pula sering menggunakan kulit kayu dari pokok Meranti Kepong. Pokok Meranti Kepong ialah sejenis spesies tumbuhan dalam keluarga *Dipterocarpaceae* atau nama botaninya (*Shorea ovalis*). Batang kayu yang telah dipotong pendek tersebut akan diketuk-ketuk dengan kayu supaya kulit kayu tersebut lekang atau terbuka terutama pada bahagian pangkalnya. Seterusnya, bahagian pangkal yang telah terbuka tersebut akan diselitkan rotan yang digunakan untuk menarik keluar kulit kayu tersebut tanpa merosakkannya. Selepas kulit kayu tersebut dikeluarkan, kulit kayu tersebut akan dibawa balik untuk dijemur sekurang-kurangnya dalam tiga hari sebelum digunakan untuk membuat dinding. Batang pokok yang telah dipotong pendek itu akan ditabur garam pada bahagian pangkal dan hujung. Selepas garam ditabur, batang pokok tersebut akan dibiarkan lebih kurang sehari supaya bahagian yang ditabur garam tersebut lekang atau terbuka sendiri (Hamid & Mokhtar: 2017).

In the Temiar community, bark is also used to construct the walls of a balai sewang (Hamid & Mokhtar: 2017). Temiar communities that reside in Perak, especially in Batu Gajah, Simpang Pulai and Hulu Kinta, use bark from the Melaut tree. A tall and large tree, the Melaut is chosen because it

50 | SEWANG TEMIAR

can be easily obtained from the forests in this area. In addition, the Melaut tree has a soft bark that can be easily processed and extracted. The Melaut also has a wider bark compared to other trees in the area and can produce up to 120 pieces of bark per tree. Meanwhile, the Temiar community that resides in Ulu Kelantan often use the bark of the Meranti Kepong tree. The Meranti Kepong tree is a species that belongs to the Dipterocarpaceae family, with the botanical name *Shorea ovalis*. Pieces of wood that have been cut into short lengths are pounded so that the bark can be loosened or detached, particularly at the base. Next, a piece of rattan is inserted into the detached base and used to pull the bark out without damaging it. Once the bark has been removed, it will be brought back and dried for at least three days, before it can be used to make a wall. A tree trunk that has been cut into pieces will be salted at the base and tip. After salt has been applied, the pieces of wood will be left for at least a day, so that the salted parts will split or detach on their own (Hamid & Mokhtar: 2017).



Foto 3: Kayu bulat digunakan sebagai gelegar.

Photo 3: Round pieces of wood used as joists.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 4: Rotan digunakan sebagai bahan pengikat
Photo 4: Rattan used for tying.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 5: Belahan lantai buluh yang lembut memberi kesan timbal balik sewaktu tarian sewang.
Photo 5: The floor, which is made of split bamboo, is soft and provides a bouncy effect during the sewang dance.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

52 | SEWANG TEMIAR

Buluh merupakan tumbuhan paling utama yang digunakan dalam struktur rumah dan balai sewang. Sekurang-kurangnya terdapat 63 spesies buluh yang diklasifikasikan kepada 11 genera yang amat popular di hutan Semenanjung (Foo, 2005a). Selain itu, rotan juga amat dominan digunakan dalam pembuatan rumah dan balai sewang Temiar yang digunakan sebagai bahan pengikat gelegar, lantai dan sebagainya. Terdapat 104 jenis rotan di rekodkan di Semenanjung Malaysia, namun hanya 20 spesies dianggap mempunyai nilai komersil contohnya rotan manau, manau tikus, semambu, rotan matang, rotan dahan, rotan sega (Foo, 2005).

Bamboo is the main plant material used in the structure of homes and the balai sewang. In the forests of Peninsular Malaysia, there are at least 63 species of bamboo that have been classified into 11 of the most popular genera (Foo, 2005a). In addition, rattan is also dominantly used in the building of Temiar homes and balai sewang, particularly as a material for tying joists, flooring and others. In Peninsular Malaysia, 104 types of rattan have been recorded, but only 20 species are considered commercially valuable, such as the manau, manau tikus, semambu, matang, dahan and sega rattans (Foo, 2005).

Kebiasaannya dua batang pokok akan ditebang untuk dijadikan tiang, gelegar, rasuk, tangga dan alang. Alang yang dibina ini menggunakan beberapa jenis pokok seperti sejenis pokok yang di kenali masyarakat Temiar sebagai dengreb, rengas (*Gluta spp*) dan meranti (*Shorea platyclados*). Bahagian lantai dan dinding kebiasaannya diperbuat dari buluh yang telah dibelah atau dari bertam yang diikat kukuh pada struktur kerangka menggunakan rotan. Lantai adalah melalui belahan buluh serta disusun dengan jarak tertentu. Tujuan buluh ini dianyam secara berjarak adalah untuk menjadikan lantai ini mudah melentur mengikut pergerakan tarian sewang selain melancarkan sistem pengudaraan. Bahagian atap dan langit pula kebiasaannya diperbuat dari daun pokok nibong ibul (*Oncosperma tigiilariumrid*, nipah (*Nypa fruticans*), daun bertam atau daun cucoh yang disisip oleh kaum wanita (Foto 6 - 7).

*Typically, two tree trunks are cut down and made into pillars, joists, beams and ladders. The beams can be made from several types of trees, known by the Temiar as dengreb, rengas (*Gluta spp*) and meranti (*Shorea platyclados*). The floor and walls are usually made of split bamboo or bertam that is firmly tied to the structural frame using rattan. The floor is made of split bamboo that is arranged with gaps in between them. The bamboo is laid down with gaps so that the floor can easily bend to the movements of the sewang dance, in addition to providing ventilation. The roof and ceiling are usually made from the leaves of the nibong ibul tree (*Oncosperma tigiilariumrid*), nipah (*Nypa fruticans*), and bertam or cucoh leaves that have been inserted by the women (Photos 6 - 7).*



Foto 6: Daun bertam dijadikan atap.
Photo 6: Bertam leaves made into roofing.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

54 | SEWANG TEMIAR

Foto 7: Daun bertam yang disisip menjadi lelangit.
Photo 7: Bertam leaves inserted to become the ceiling.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

Persiapan untuk meramu bahan asas untuk pembinaan dilakukan secara gotong royong melibatkan penduduk kampung. Sesebuah balai sewang mengambil masa antara tiga hingga empat minggu untuk disiapkan. Lantai sesebuah balai sewang mempunyai ketinggian antara dua hingga tiga meter dari tanah. Balai sewang biasanya mempunyai tiga ruang utama iaitu ruang upacara utama ritual sewang yang berada di tengah dan diapit oleh ruang khusus untuk kaum wanita dan ruang khusus untuk kaum lelaki. Diantara ruang upacara ritual sewang dengan ruang khusus untuk wanita terdapat satu pentas kecil tempat ahli muzik memainkan buluh *centong*. Selain itu di ruang kaum wanita terdapat tempat penyimpanan buluh *centong* manakala di bahagian sebelah kanan balai merupakan pintu masuk dan ruang unggun api. Di sebelah kiri pula merupakan pintu keluar lelaki dan pintu keluar wanita secara berasingan manakala ditengah-tengah terdapat ruang yang dikenali sebagai Atak Mikah atau ruang semangat Pak Belang (Rajah 2, Foto 8 - 14) .

The basic materials needed for construction are collected as a group effort involving the villagers. A balai sewang usually takes between three to four weeks to complete. The floor of the balai sewang is raised around two to three metres above the ground. The balai sewang also typically comprises of three main sections. The main area where the sewang ceremony is held is located in the middle, and this is flanked on both sides by separate sections that are exclusively for men and women. Between the area for the sewang ceremony and the women's section, is small stage for musicians playing the bamboo centong. In the women's section, there is also a storage space for the bamboo centong, while on the right side of the balai is the entrance and a fire pit. On the left side are separate exits for men and women, while in the middle is a space known as the Atak Mikah or the spiritual space of Pak Belang (Figure 2, Photos 8 - 14) .

Rajah 2 : Lakaran Kasar Pelan Lantai Balai Sewang Penyembuhan
Figure 2: Rough Sketch of the Floor Plan of a Balai Sewang for Healing






Foto 8 : Ruang simpanan buluh centong.
Photo 8 : Space for storing the bamboo centong.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 9 : Nasok - Ruang buluh centong dimainkan.
Photo 9 : Nasok – Space where the bamboo centong is played.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010))



Foto 10 : Ruang pintu masuk.

Photo 10 : Entrance.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 11 : Ruang unggun api sebelum upacara ritual dijalankan.

Photo 11 : The fire pit before the ritual ceremony is held.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 12 : Ruang khusus untuk kaum lelaki.

Photo 12 : The men's section.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 13 : Ruang khusus untuk kaum wanita.

Photo 13 : The women's section.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 14 : Ruang utama upacara sewang.
Photo 14 : The main area for healing sewang ceremonies.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

Muzik Buluh Centong *Music of the Bamboo Centong*

Sewang dilakukan secara berlagu menyeru semangat melalui lirik-lirik lagu yang diperoleh *halak* melalui mimpi. Mengiringi lagu atau nong ialah alat muzik asas iaitu buluh *centong* atau *awen go'h*. Muzik ini akan mengiringi lagu-lagu yang di sampaikan oleh *halak* manakala para penari akan bergerak mengikut bulatan sambil menghentak-hentakkan kaki mengikut alunan muzik centung.

The sewang is carried out with songs that can invoke spirits through lyrics that have been obtained by the halak through dreams. Accompanying the songs or nong are basic music instruments called the bamboo centong or awen go'h. This music will accompany the songs performed by the halak, while the dancers will move in a circle as they stomp their feet to the rhythm of the centong music.

Semasa upacara berlangsung biasanya terdapat tiga hingga lima orang pada usia belia yang memegang dua buluh berlainan ukuran pada kedua-dua belah tangan mereka. Kebiasaannya buluh *centong* diperbuat daripada ruas buluh dari jenis besik dan pokwok yang nipis dan boleh menghasilkan bunyi yang menarik. Terdapat dua ukuran buluh *centong* iaitu panjang dan pendek yang dipegang iaitu buluh panjang dipegang dengan tangan kiri melambangkan *centong* jantan manakala buluh pendek dengan tangan kanan yang melambangkan *centong* betina (Foto 15). Kedua-dua buluh ini dihentakkan secara berselang-seli pada kayu genalang daripada jenis kayu kerog, kayu jereg dan batang kayu perah. Panjang buluh bagi centung betina ialah 0.6 meter manakala centung jantan 0.9 meter yang akan menghasilkan alunan bunyi yang berbeza.

While the ceremony is in progress, usually there are three to five youths holding two pieces of bamboo of different sizes in each hand. Typically, the bamboo centong is made from segments of besik and pokwok bamboo, which are thin and can produce an interesting sound. The bamboo centong comes in two sizes, which are long and short, with the longer one being

62 | SEWANG TEMIAR

held in the left hand to represent the male centong, and the shorter one being held in the right hand to represent the female centong (Photo 15). Both these pieces of bamboo are hit alternately on the genelang, which is made from kerog, jereg and perah wood. The bamboo for the female centong measures 0.6 metres long, while the male centong measures 0.9 metres long, producing different sounds.



Foto 15 : Muzik buluh centong.

Photo 15 : Bamboo centong music.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source : Department of National Heritage, 2010)

Upacara Penyembuhan *The Healing Ceremony*

Semasa pesakit dirawat, penglibatan seluruh masyarakat kampung atau saudara-mara diperlukan untuk melicinkan perjalanan upacara. Setiap anggota memainkan peranan masing-masing. Bagi kebanyakan sewang penyembuhan, anggota sewang dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu yang telah dikenalpasti oleh *halak*.

While the patient is being treated, the involvement of the entire village or the patient's next of kin is required for a smooth ceremony. Each member plays their part. For most healing sewang ceremonies, the members of the sewang are chosen based on specific characteristics that have been identified by the Halak.

Penglibatan kaum wanita dalam upacara sewang penyembuhan lebih dominan berbanding kaum lelaki. Tiga hingga lima orang wanita akan memainkan buluh *centong*. Para penari pula terdiri daripada lelaki dan wanita, kebiasaannya lima atau tujuh orang. Selain memainkan alat bunyian, peserta wanita juga bertindak sebagai penyanyi pengiring dengan gaya yang tersendiri. Mereka menyanyi dengan suara yang lantang dan nyaring, mengulangi baris-baris tertentu dalam nong yang dipilih. Tujuannya adalah untuk memujuk *nyaniik* untuk menyelamatkan *ruwai* (semangat) pesakit.

The involvement of women is more dominant in healing sewang ceremonies compared to men. Three to five women will play the bamboo centong. The dancers, on the other hand, comprise of men and women, typically five to seven individuals. Besides playing musical instruments, women also act as backup singers with their own unique style. They sing with loud and high-pitched voices, repeating specific lines in the chosen nong. The purpose is to persuade the nyaniik to save the patient's ruwai (spirit).

64 | SEWANG TEMIAR

Halak merupakan penyanyi utama dalam upacara sewang penyembuhan. Beliau juga mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Temiar. Kebanyakan *halak* merupakan golongan lelaki dewasa yang berumur sekurang-kurangnya 45 tahun. Yang menariknya *halak* berperanan besar dalam menentukan jenis lagu yang boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit, setelah beliau dapat mengenalpasti penyakit serta cara merawatnya. Salah seorang *halak* yang terkenal di RPS Kemar ialah Itam Bin Kenwel yang mahir mengetuai sewang penyembuhan (Foto 16).

The halak is the main singer in a healing sewang ceremony. He also has a high standing in the Temiar community. Most halak are adult men of at least 45 years of age. Interestingly, the halak has a major role in determining the types of songs that can be used to heal illnesses, after he has identified the illness and how to treat it. One of the most well-known halaks in RPS Kemar is Itam Bin Kenwel, who is skilled in leading healing sewang ceremonies (Photo 16).

Dalam sewang penyembuhan kaum Temiar, *halak* menyanyi dan mengibas pesakit manakala pesakit duduk atau berbaring di sisinya. Penyanyi latar dan pemain muzik membantu mengalunkan lagu dan muzik dengan memuji-muji *guniik*. Justeru itu, ketika menyanyi, *halak* akan menghayati lagu dengan sepenuh jiwa, dizahirkan dengan penuh perasaan sehingga terlihat pada gerak dan getar badannya. *Halak* juga mengharapkan petunjuk daripada semangat yang diseru. Namun begitu, terlalu banyak pantang larang yang perlu dipatuhi oleh *halak* semasa upacara sewang penyembuhan dijalankan supaya semangat boleh memberi bantuan.

In the healing sewang ceremonies of the Temiar, the halak sings and sweeps the patient's body while the patient is seated or lying on their side. The backup singers and musicians help to sing the songs and music by praising guniik. While singing, the halak will embody the song with his entire soul, which is expressed through a full range of emotions visible through the movements and shaking of his body. The halak also asks for guidance from the spirit invoked. However, there are many taboos that the halak must observe while the healing sewang ceremony is carried out, so that the spirit can provide the assistance needed.

Pergerakan penari pula tertumpu pada kawasan tengah balai yang menjadi ruang khusus dengan pelbagai jenis daun dan bunga hutan yang disebut tamu. Pergerakan penari terkawal melalui gerak badan dan melangkah mengikut arah berlawanan jam dengan meliukkan tubuh dan menghayun tangan. Dalam masa yang sama, mereka turut mengiringi *halak* dalam nyanyiannya (Foto 17).

The dancers' movements are focused at the middle of the balai, which is a special area decorated with various types of forest leaves and flowers called tamu. Their movements are controlled through body movements and steps taken in a counterclockwise direction. Their bodies twist and their arms move in a swinging motion, while they simultaneously accompany the halak in his singing (Photo 17).



Foto 16 : Itam Bin Kinwel seorang *halak* yang mahir melakukan sewang penyembuhan.

Photo 16 : Itam Bin Kinwel, a halak who is skilled in performing the healing sewang.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 17 : Upacara Sewang penyembuhan sedang berlangsung.
Photo 17 : A healing sewang ceremony in progress
 (Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
 (Source: Department of National Heritage, 2010)

Tamu Tamu

Tamu merupakan daun-daun atau bunga harum bagi membantu penyembuhan (Foto 18). Daun-daun dan bunga harum yang digunakan dipercayai mengelak ahli daripada kerasukan sambil ikatan dedaun ditakrifkan oleh orang Temiar sebagai catu. Penggunaan dedaun dan bunga-bunga bergantung kepada kekuatan tamu untuk menyertai ritual sama ada tiga atau lima hari. Tumbuhan yang digunakan ialah sumber yang mudah diperolehi di persekitaran mereka ataupun diambil dari hutan yang berhampiran. Antara pelbagai daun dan tumbuhan yang digunakan sebagai tamu dalam masyarakat Temiar ialah seperti bunga charak, daun sugi, daun chelcoh, daun keralat, daun changlun, daun lebak, daun

68 | SEWANG TEMIAR

kayak, daun keluil, daun tahun, daun jalik, daun bergeng, daun entel, daun marok, daun perhek, daun suarak, daun selai, daun tambus, daun kuar dan daun helkoi serta rotan stoq dan batang mangsi, daun kamar, daun perhet, daun sugi, daun penoet, daun le-oi, daun keralat dan daun bahok (Amir et.al. 2016).

Tamu are fragrant leaves and flowers that can assist the healing process (Photo 18). The fragrant leaves and flowers used are believed to prevent the participants from being possessed, while the bundles of foliage are defined by the Temiar as catu. The use of leaves and flowers depend on the strength of the tamu for use in rituals that are either three or five days long. The plants used are an easily-obtained resource collected from their surroundings or nearby forests. Among the many leaves and plants used as tamu in the Temiar community are charak flowers, sugi leaves, chelcoh leaves, keralat leaves, changlun leaves, lebak leaves, kayak leaves, keluil leaves, tahun leaves, jalik leaves, bergeng leaves, entel leaves, marok leaves, perhek leaves, suarak leaves, selai leaves, tambus leaves, kuar leaves and helkoi leaves, as well as stoq rattan and mangsi stems, kamar leaves, perhet leaves, penoet leaves, le-oi leaves, keralat leaves and bahok leaves (Amir et.al. 2016).




Foto 18 : Tumbuh-tumbuhan yang digunakan sebagai tamu.

Photo 18 : Plants used as tamu.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)

Hiasan *Decorations*

Peserta sewang akan dihias dengan hiasan kepala yang diperbuat daripada daun palas yang dianyam dan dikenali sebagai seludang atau tempok, *Begnegwaq* pula diikatkan pada pinggang, dan *tenwaq* diselempangkan di badan (Foto 19). Segugus daunan iaitu *kuwop chekkot bot* menghiasi sanggul wanita dan dipegang sambil melibas-libaskannya ke kiri dan ke kanan, ke atas kepala, di badan dan sesekali mencium gugusan ini dengan asyik semasa upacara berlangsung (Foto 20 - 21).

Participants taking part in the sewang ceremony will be adorned with head ornaments made of woven palas leaves known as the seludang or tempok. Meanwhile, the begnegwaq is tied to the waist, and the tenwaq is hung across the body (Photo 19). A bundle of leaves known as kuwop chekkot bot will decorate women's hair buns and it is held while being swung from left to right, to the top of the head and on the body. At times, the bundle is sniffed with excitement while the ceremony is in progress (Photo 20 - 21).

Tempok Kuar pula merupakan perhiasan kepada orang lelaki Temiar (Foto 22 - 23). Ia dipakai dalam upacara sewang penyembuhan atau sewang menyambut tetamu. Daun yang digunakan terdiri daripada daun palas dan daun salak. Kesenian dan kehalusan pembuatannya dapat dilihat dari segi sulaman dan rautannya. Kebiasaannya ia dibuat oleh golongan wanita dan boleh dipakai untuk aktiviti harian. *Tempok Kuar* dipakai oleh peserta lelaki menjadi tradisi masyarakat Temiar yang diwarisi daripada nenek moyang dahulu dan jarang digunakan untuk aktiviti harian, sebaliknya digunakan dalam upacara sewang penyembuhan. Tumbuhan yang digunakan lebih kepada bunga-bunga seperti *mek tamboh*.

The Tempok Kuar is a headdress for Temiar men (Photo 22 - 23). It is worn during sewang ceremonies that are held for healing or welcoming guests. The leaves used comprise of palas and salak leaves. The artistry and refinement of how it is made can be seen through the weaving and finishing.

Typically, it is made by women and can be worn for daily activities. However, the Tempok Kuar that is worn by the male participants has become an honoured tradition in the Temiar community, passed down from their ancestors. Today, it is rarely used for daily activities, but is reserved for healing sewang ceremonies instead. The plants used are usually flowers like mek tamboh.

Manik karial pula merupakan perhiasan diri lelaki yang dijadikan sebagai rantai manakala muka dihiasi dengan biji buah kesumba yang memberikan warna kemerah-merahan pada wajah (Foto 24 - 25). Namun begitu, golongan wanita juga tidak terkecuali daripada memakainya. Bunga-bunga harum dan dedaunan yang terdiri daripada *mek carak*, orkid, *sunkout* dan *kuar palas* menjadi untaian-untaian untuk dipakai sebagai perhiasan diri wanita.

Manik karial, on the other hand, is a personal adornment for men that takes the form of a necklace. Meanwhile, their faces are decorated with the seeds of the kesumba fruit, which provides a reddish tone (Photos 24 - 25). However, women can also wear it. Fragrant flowers and leaves comprised of the mek carak, orchid, sunkout and kuar palas are made into dangling ornaments that are worn as personal adornments by the women.



Foto 19 : Peserta lelaki memakai tempok (hiasan kepala), *begngwaq* (ikat pinggang) dan *teruwaq* (selempang).
Photo 19 : Male participants wearing tempok (headress), *begngwaq* (belt) and *teruwaq* (sash).
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 20 - 21: Peserta wanita menghiasi kepala dengan *kuwop chekkot bot*.
Photo 20 - 21: Female participants adorning their hair with kuwop chekkot bot.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

74 | SEWANG TEMIAR



Foto 22 : *Tempok Kuar* yang dihasilkan daripada daun salak dan daun palas.
Photo 22 : Tempok Kuar made of salak and palas leaves.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 23 : *Tempok Kuar* yang dihiasi dengan bunga-bunga
Photo 23 : Tempok Kuar decorated with flowers.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)



Foto 24 – 25 : Lelaki Temiar dengan hiasan *Tempok*, manik karial dan hiasan dimuka.

Photo 24 – 25 : Temiar men with Tempok, karial beads and facial decorations.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)

76 | SEWANG TEMIAR

Nong (Mantera atau Lagu Sewang) *Nong (Spell or Sewang Song)*

Nong ialah lagu sewang atau mantera. Ia dibezakan mengikut jenis dan tujuan sewang itu diadakan. Semua jenis sewang boleh digunakan untuk mengubati penyakit, bergantung kepada kesesuaian semangat pembantu. Terdapat pelbagai irama iaitu ada yang ceria dan rancak, sayu dan mendayu-dayu, dan perlahan dan senyap. Lagu dinyanyikan agak keras. Dalam usaha menarik perhatian semangat yang betul bagi sesuatu penyakit, pelbagai lagu akan dinyanyikan oleh *halak* sehinggalah semangat yang dikehendaki meresapi ke dalam tubuh dan jiwa beliau, dan proses mengubati pesakit menjadi sempurna.

Nong is a sewang song or mantera. It is differentiated by the type and purpose of the sewang held. All types of sewang can be used for the purpose of healing illnesses, depending on the compatibility of the spirit guide. There are various rhythms, including cheerful and upbeat, sad and faint, as well as slow and quiet. The songs are sung rather rigidly. In an effort to attract the attention of the right spirit for a particular illness, various songs are sung by the halak until the desired spirit enters his body and soul, and the patient's healing process is completed.

Antara lirik atau *hilad* yang digunakan semasa sewang berubat adalah seperti berikut (<http://tariansewangpayelebar.blogspot.com>)

Among the lyrics or hilad used during a healing sewang are as follows (<http://tariansewangpayelebar.blogspot.com>)

Sekiranya engkau dengki ia
Sekiranya engkau khianat ia
Bukan engkau mengkhianati kamu
Malah engkau telah melanggar janji
Yang telah Raja Nabi Adam lafazkan...

*If you envy it
If you betray it
It's not that you betrayed you
In fact, you have broken your promise
What King Prophet Adam said ...*

Gerek tik nyob bar dengki
Gerek tik nyob bar khianat
Kedak nyob bar khianat ma kandik
Nadoh nyob bar khianat ma
Pentak Raja Nabi Adam..

*Gerek tik nyob bar dengki
Gerek tik nyob bar khianat
Kedak nyob bar khianat ma kandik
Nadoh nyob bar khianat ma
Pentak Raja Nabi Adam..*

Pulanglah ke tempat asalmu
Pulanglah ke negeri asalmu
Pulanglah ke ayah mu
Pulanglah ke ibu mu
Pulanglah ke asal mu...

*Return to where your place of origin
Return to your state of origin
Return to your father
Return to your mother
Return to your origin*

78 | SEWANG TEMIAR

Termaklah ma tempat asal
Termaklah ma lengri asal
Termaklah ma beh eh
Termaklah ma nyok eh
termaklah ma asal nyob..

*Termaklah ma tempat asal
Termaklah ma lengri asal
Termaklah ma beh eh
Termaklah ma nyok eh
termaklah ma asal nyob..*

Jangan berdengki
Jangan berkhianat
Hari sudah cukup tahun nya sudah sampai.

*Do not be envious
Do not betray
The day is enough, the years have arrived*

Agok bar dengki weh
Agok bar khianat weh
Koj cukup is eh
Koj cukup taun eh..

*Agok bar dengki weh
Agok bar khianat weh
Koj cukup is eh
Koj cukup taun eh..*

Kaedah Rawatan *Treatment Method*

Untuk memulakan acara, *halak* akan membuka *balei* dengan menyampaikan ucapannya yang menyentuh tentang tujuan sewang tersebut diadakan. Selepas itu, *halak* akan memulakan nyanyian dengan menyanyikan lagu sewang. Pada peringkat awal nyanyian, *Halak* akan menyanyikan lagu khusus iaitu lagu yang diperolehi melalui mimpinya. Apabila selesai sahaja lagu dinyanyikan, penari lelaki akan mengiringi lagu tersebut disusuli oleh penari wanita. Pesakit pula akan dibawa ke *balei* sewang untuk dibaringkan berhampiran dengan tamu dan para penari akan menari mengelilingi pesakit. Apabila semangat telah meresapi tubuh *halak*, beliau menjadi tidak sedar. Hubungan *halak* dengan semangat atau makhluk halus dapat dikesan melalui jumlah lagu yang dinyanyikan. Sekiranya beliau menyanyikan lima buah lagu, ini bermakna beliau mempunyai hubungan dengan lima makhluk halus atau semangat pembantunya (Itam Kinwel, temubual, 8 Ogos 2010).

To begin the ceremony, the halak will open the balei by presenting his speech and addressing the purpose of the sewang that is being held. Following this, the halak will begin singing the sewang songs. Initially, the halak will sing special songs that he obtained through his dreams. As soon as the songs have been sung, male dancers will accompany the song, followed by the female dancers. The patient will be brought to the balai sewang and laid near the tamu, then the dancers will dance around the patient. When the spirit has entered the body of the halak, he will lose consciousness. The relationship between the halak and the spirit or supernatural being can be detected through the number of songs he has sung. If he sang five songs, this means he has made contact with five supernatural beings or spirit guides (Itam Kinwel, interview, 8 August 2010).

Setelah mengetahui jenis penyakit yang dihadapi, keluarga pesakit akan bertanya akan ramuan yang diperlukan oleh *halak* semasa bersewang. Ramuan yang diperlukan adalah mengikut jenis penyakit. Sekiranya pesakit dirasuk hantu atau penunggu,

80 | SEWANG TEMIAR

ramuannya agak sukar diperolehi kerana ia memerlukan bahan ramuan yang wangi daripada pelbagai jenis bunga gunung. Dalam situasi kedua pula, rayuan mengubati pesakit datangnya daripada pihak keluarga dan dalam hal ini, ibu pesakit akan menyampaikan hajat kepada *halak*. Lazimnya, pada waktu pagi ketika matahari sedang naik, *halak* akan memaklumkan jenis-jenis ramuan yang perlu disediakan oleh pihak keluarga pesakit.

After determining the type of illness, the patient's family will ask about the ingredients needed by the halak for the sewang. The ingredients needed depend on the type of illness. If the patient has been possessed by a ghost or penunggu, the ingredients are harder to obtain, as various fragrant highland flowers are required. In other situations, pleas for a patient's healing may come from a family, and in this case, it was the patient's mother who conveyed her intentions to the halak. Typically, at sunrise, the halak will inform the patient's family members about the ingredients that they must prepare.

Upacara sewang hanya berlangsung pada waktu malam iaitu diantara pukul lapan hingga pukul enam pagi. Ia boleh diadakan beberapa malam berturut-turut berdasarkan beberapa perkara. Antaranya faktor tahap kekuatan semangat pesakit itu sama ada ia akan mendatangkan kesan sampingan atau tidak, sekiranya penyakit dapat dibuang secara serta-merta. Sekiranya pesakit itu kurang bersedia, ia akan menyebabkan tubuh pesakit menjadi semakin lemah, tidak berdaya dan ditimpa sesuatu musibah atau perkara yang di luar jangkaan.

The sewang ceremony will only take place at night, between 8.00 pm and 6.00 am. It can be held for several consecutive nights, based on several factors. Among them is the strength of the patient's spirit, whether it can cause side effects or not, and if the illness can be eradicated immediately. If the patient is not ready, this may cause the patient's body to weaken, become helpless and be afflicted by a misfortune or something unexpected.

Sewang penyembuhan mempunyai teknik dan cara rawatannya yang tersendiri. Upacara sewang penyembuhan menekankan penggunaan beberapa jenis daun hutan yang dipercayai dapat mendorong semangat menghampiri balai sewang dan seterusnya membantu mengubati penyakit. Upacara sewang akan dimulakan dengan upacara memetik daun-daun dan bunga-bunga harum di hutan dan di sekitar kawasan penempatan. Bunga diikat dan disulam menjadi untaian-untaian yang indah. Upacara persiapan hiasan yang digunakan dilaksanakan dengan kerjasama kaum lelaki dan wanita. Kebiasaannya yang masuk ke dalam hutan dan memasang hiasan tersebut di balai dilakukan oleh kaum lelaki manakala kaum wanita terlibat dalam membuat persiapan dedaunan (Foto 26). Mereka juga berkeyakinan dengan meletakkan dedaunan di balai sewang dan menarik semangat menghampiri *halak* kerana dipercayai semangat selesa dengan persekitaran yang hampir menyerupai di tempat asal semangat.

The healing sewang has its own techniques and treatment methods. It emphasises on the use of various forest leaves that are believed to encourage the spirits to come near the balai sewang and subsequently help to heal the illness. The sewang ceremony begins with a ceremony for collecting fragrant leaves and flowers from the forests and areas near the settlement. The flowers are tied and arranged into beautiful mobiles. The ceremony for preparing the decorations is carried out with the cooperation of men and women. Typically, the men go into the forest and install the decorations at the balai, while the women are involved in the preparation of the leaves (Photo 26). They are also confident that the placement of leaves in the balai sewang will attract the spirit to the halak, as it is believed that the spirit is comfortable in an environment that is similar to its place of origin.

82 | SEWANG TEMIAR



Foto 26 : Kaum wanita sedang membuat persiapan seperti diminta oleh *halak*.

Photo 26 : Women making preparations as requested by the halak.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)

Hampir keseluruhan balai dipenuhi dengan pelbagai jenis daun seperti daun palas atau *kuar*, *mek premhek*, daun *chalon*, *mek sugi* dan sebagainya yang diikat pada tiang-tiang balai dan digantung di bahagian tengah ruang upacara ritual dalam keadaan selari (Foto 27). Hiasan ini dinamakan *chenlai* manakala di bahagian tengah balai digantungkan lingkaran rotan (Foto 28 - 29) dalam bentuk bulatan yang dihias pula daun *chalon*, daun *kuar*, ikatan bunga panggil, carikan daun perah dan bunga raya dinamakan *tamu*. Tali setong diperbuat daripada rotan yang digunakan untuk mengikat *tamu*.

Almost the entire balai is filled with a variety of leaves, such as palas or kuar, mek premhek, chalon, mek sugi and others that are tied to the pillars of the balai and hung at the centre of the ritual ceremony area in a parallel arrangement (Photos 27). This decoration is called chenlai, while at the centre of the balai, a rattan hoop is hung (Photos 28-29) in the shape of a circle, and it is decorated with leaves like chalon and kuar, as well as bundles of flowers called panggil and shredded perah leaves and hibiscus flowers in an arrangement known as tamu. Setong rope is made from rattan and used to tie the tamu.

Tamu berperanan sebagai pusat tumpuan semangat dari rimba paling utama. Ia juga sebagai pewangi aroma menaikkan semangat dan menjadi tempat penghuni semangat tersebut berkumpul dan memberi bantuan kepada *halak* supaya dapat menyampaikan lagu dengan lebih lancar. Masyarakat Temiar mempercayai semangat yang dipanggil dan diseru oleh *halak* akan datang dan memasuki balai sewang dengan meniti tali-tali rotan yang direntang (Hamlan Anjang, temubual, 8 Ogos 2010).

The tamu serves as a focal point for the main spirit of the forest. It also gives off a fragrant aroma that uplifts the spirit and becomes a place for the spirit to stay and provide assistance to the halak, so that he may perform his songs more smoothly. The Temiar community believes that the spirit invoked by the halak will come and enter the balai sewang by walking along the rattan ropes that are secured at every corner of the balai, which converge on one rattan hoop. (Hamlan Anjang, interview, 8 August 2010).



Foto 27: Mek Sugi, Mek Premhek, Kuar Palas, Malom Sugi, Lingkar Rotan dan Batang Mansi.

Photos 27: Mek Sugi, Mek Premhek, Kuar Palas, Malom Sugi, Lingkar Rotan and Batang Mansi.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

84 | SEWANG TEMIAR



Foto 28 - 29: Lingkar rotan yang dihiasi dengan beberapa jenis daun.
Photo 28 - 29: Rattan hoop decorated with several types of leaves.
(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)
(Source: Department of National Heritage, 2010)

Pada setiap penjuru balai lalu bertumpu pada satu bulatan gelang rotan. Sepanjang laluan ini juga turut digantung beberapa jenis daun dan bunga. Namun begitu, penggunaan daun tersebut tidak terbatas untuk digunakan pada daun-daun yang lain kerana ia juga bergantung kepada arahan Ketua Adat Balai Sindol mengikat erat pertalian hubungan dengan *nyukaluej* iaitu kepercayaan semangat. Pada umumnya, tujuh unit rangkaian daun digantung ke bahagian tempat duduk lelaki dan tujuh unit rangkaian daun ke bahagian perempuan (Foto 30-Rajah 3). Tujuan rangkaian daun digantung di ruang balai sewang penyembuhan atau balai sindol adalah sebagai simbolik dalam upacara sewang penyembuhan. Tamu dan “batang mansi” bertindak sebagai pelengkap kepada lingkaran rotan tersebut. Secara simbolik “batang mansi” akan mengeluarkan cecair putih sebagai pemulihan semangat setelah selesai upacara sewang penyembuhan dijalankan. Setelah selesai upacara sewang penyembuhan, daun tamu akan dikeluarkan dan ditempatkan di luar perkarangan balai sindol penyembuhan yang bertujuan untuk mengelakkan ancaman penyakit.

Several types of leaves and flowers are also hung along this rope. They are not limited to the use of only certain types of leaves, as they may use other leaves depending on the Ketua Adat Balai Sindol's instructions for forging a relationship with nyukaluej, which is their faith in spirits. Generally, seven leaf arrangements are hung at the men's section and seven more are hung at the women's section (Photo 30- Figure 3). These leaf arrangements are hung in the balai sewang or Balai Sindol as a symbol for the healing sewang ceremony. The tamu and batang mansi complement the rattan circle. Symbolically, the batang mansi will produce a white liquid to restore the spirit after the healing sewang ceremony is completed. Once the healing sewang ceremony is over, the tamu leaves will be removed and placed outside the Balai Sindol to avoid the threat of illness.

86 | SEWANG TEMIAR









Foto 30: Tamu, lingkar dan malim sugi.

Photo 30: Tamu, lingkar and malim sugi.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)



	Ruang Lelaki Space for men
	Ruang Wanita Space for women
	Tali rotan yang memisahkan ruang Rattan rope that divides the space
	14 unit Tamu, Lingkar 14 units Tamu, Lingkar
	Malom Sugi Malom Sugi

Rajah 3 : Ilustrasi menunjukkan susunan tamu, malom sugi dan lingkar.

Figure 3 : Illustration showing the layout of the tamu, malom sugi and lingkar.

Malom Sugi *Malom Sugi*

Malom Sugi merupakan bunga dan dedaun tamu harum yang diikat menjadi untaian- untaian indah dan digantung (Foto 31). Terdapat tiga unit Malom Sugi yang digantung pada bahagian tengah ruang Balai Sindol. Tiga unit Malom Sugi berhubung kait dengan upacara bacaan mantera atau jampi serapah “beb-ta” iaitu perantaraan memohon restu atau keizinan *nyukaluej tampoi* sebelum upacara ritual penyembuhan di dalam Balai Sindol diadakan. Selain itu, ia turut juga berkait rapat dengan kepercayaan *nyukaluej loleow* sepertimana juga dimanifestasikan mewakili tujuh lapis bumi yang dipercayai semangat tersebut dapat menjaga kesejahteraan alam iaitu bumi manakala ia juga berkait rapat dengan kepercayaan semangat *nyukaluej oi* yang mentadbir tujuh lapis langit. Tiga unit Malom Sugi juga merupakan simbolik yang menjelaskan upacara kepercayaan iaitu hukum berdoa dalam satu bulan yang diamalkan di dalam Balai Sindol (Balai Sewang Penyembuhan).

The Malom Sugi are fragrant flowers and leaves used in the tamu, which are tied into beautiful mobiles and hung up (Photo 31). There are three units of Malom Sugi that are hung at the centre of the Balai Sindol. The three units of Malom Sugi are related to the recitation of the mantera or «beb-ta» spells, which are a medium for seeking the blessings and permission of the nyukaluej tampoi before the healing ritual ceremony can take place in the Balai Sindol. In addition, it is also closely related to the belief in nyukaluej loleow, which is manifested as representing the seven layers of the earth, and it is believed that the spirit can protect nature’s well-being, which is the earth, and it is also closely related to the belief in nyukaluej oi, a spirit that governs the seven layers of the sky. The three units of Malom Sugi are also symbols that explain the ritual of faith, which is the law of praying for one month that is practiced in the Balai Sindol (Healing Balai Sewang).



Foto 31 : Malom Sugi yang dihiasi dengan dedaun dan bungaan.

Photo 31 : Malom Sugi decorated with leaves and flowers.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)

Berdasarkan kajian mendapati masyarakat Temiar ini mengadakan ritual mengikut tarikh tertentu (Jadual 2).

Based on this research, it has been found that the Temiar community will conduct this ritual according to specific dates (Table 2).

- a. Pada 15 haribulan setiap bulan, mereka akan menyambut semangat Pak Belang (harimau).

On the 15th of every month, they will welcome the spirit of Pak Belang (tiger).

- b. Pada setiap 20 hingga 22 haribulan, mereka akan menyambut hari kejadian tuhan *nyukaluej*.

*On the 20th until the 22nd of every month, they will celebrate the birthday of the god *nyukaluej*.*

90 | SEWANG TEMIAR

- c. Pada setiap 30 haribulan, mereka akan menyambut upacara keagamaan rangkuman daripada tarikh 15, 20 dan 30.

On the 30th of every month, they will celebrate a religious ceremony that encompasses events on the 15th, 20th and 30th.

Isnin <i>Monday</i>		6	13	20	27
Selasa <i>Tuesday</i>		7	14	21	28
Rabu <i>Wednesday</i>	1	8	15	22	29
Khamis <i>Thursday</i>	2	9	16	23	30
Jumaat <i>Friday</i>	3	10	17	24	31
Sabtu <i>Saturday</i>	4	11	18	25	
Ahad <i>Sunday</i>	5	12	19	26	

Jadual 2 : Kalendar menunjukkan tarikh upacara ritual berlangsung.
 Table 2 : Calendar showing the dates when the ritual ceremonies will take place.

Nota

- Kepercayaan 30 Disember setiap tahun, masyarakat ini akan menyambut upacara tahun baru iaitu Tahun Baru dan Tahun Lama.
- Segala upacara yang melibatkan tarikh tersebut dijalankan di dalam Balai Sindol.

Note

- Each year on 30th December, this community celebrates a New Year ceremony called Tahun Baru dan Tahun Lama.
- All ceremonies involving those dates are carried out in the Balai Sindol.

Pantang Larang Upacara Sewang Penyembuhan *Taboos for the Healing Sewang Ceremony*

Sewang penyembuhan melibatkan pantang larang yang perlu dipatuhi oleh para pengamalnya. Mereka yang tiada kaitan dengan upacara ini tidak dibenarkan sama sekali turut serta dan berada di balai sewang kecuali atas keizinan *halak* sendiri. Kehadiran orang asing atau orang luar yang tidak berkaitan boleh menghalang semangat menghampiri balai dan tidak dapat memasuki tubuh *halak*. Sekiranya orang luar tersebut dikehendaki menunggu sehingga acara selesai, mereka tidak boleh turun naik balai dan tidak dibenarkan tidur.

The healing sewang ceremony involves certain taboos that its practitioners must observe. Those who have no relation to the ceremony are prohibited from participating in it and being in the balai sewang, unless it is with the explicit permission of the halak himself. The presence of foreigners or outsiders can prevent spirits from coming near the balai and entering the halak's body. If the outsider is required to wait until the ceremony is over, they cannot go up and down the hall and are not allowed to fall asleep.

Suasana persekitaran balai sewang juga mestilah tenang dan sunyi dan hanya suara dari alat muzik dan alunan lagu sewang sahaja yang dibenarkan. Bunyi bising sama ada daripada perbualan, bunyi kanak-kanak menangis, bunyi ayam atau kucing, salakan anjing dan sebagainya akan menggagalkan usaha menyembuhkan penyakit malah dikatakan salakan anjing boleh mengejutkan *halak* lalu tersampuk seperti melompat turun dari balai dan menghilangkan diri ke dalam hutan.

The environment in the balai sewang must always be calm and quiet, and only the sounds of the musical instruments and sewang songs are allowed. Loud noises, be it from conversations, the sound of children crying, chickens and cats, or dogs barking and others, will cause any efforts to the illness to fail. In fact, it is said that a dog's bark may startle the halak so much that he may jump down from the balai and dissappear into the forest.

92 | SEWANG TEMIAR

Sewang mesti dilakukan di dalam suasana yang gelap atau kelam, bergantung kepada tahap sesuatu penyakit itu. Kebiasaannya mereka memasang lilin yang diletakkan dalam sebuah tempat khas yang dipanggil Aweng (Foto 32). Suasana gelap dan kelam dipercayai menjadi dunia makhluk halus, justeru suasana seperti ini memudahkan semangat mendatangi *halak*. Semasa upacara sewang penyembuhan berlangsung orang luar luar tidak dibenarkan mengambil gambar kerana cahaya kamera akan mengejutkan semangat lalu melarikan diri meninggalkan *halak* dan pesakit.

The sewang must be held in a dark or gloomy atmosphere, depending on the level of a particular illness. Typically, they light candles and place them in special containers called Aweng (Photo 32). Supernatural beings are believed to inhabit dark and gloomy atmospheres, therefore this environment makes it easier for the spirit to come to the halak. While the healing sewang ceremony is being carried out, outsiders are not allowed to take photos, as the camera's flash may scare the spirit and it will run away, leaving the halak and patient.

Sebarang pergerakan manusia atau haiwan di bawah balai sewang (di atas tanah) juga tidak dibenarkan sama sekali. Semua orang dikehendaki berada di dalam rumah masing-masing kerana dipercayai pada masa tersebut banyak semangat berkeliaran termasuklah semangat jahat.

Any movement under the balai sewang (on the ground), by humans or animals, is also strictly prohibited. Everyone is required to stay in their own homes as it is believed that during this time, there are many wandering spirits, including evil spirits.

Halak akan bersewang memohon semangat supaya menolong menyembuhkan penyakit. Semua peserta terlibat pula perlu mematuhi beberapa pantang larang yang telah ditetapkan oleh *halak*. Antara pantang larangnya ialah kaum lelaki tidak dibenarkan memasuki ruang yang disediakan untuk kaum wanita, begitu juga sebaliknya. Sekiranya mereka melanggar pantang larang tersebut semasa upacara sewang penyembuhan yang sedang dijalankan maka dianggap pecah pantang. Mereka juga dilarang keluar dari balai sewang sehingga upacara selesai. Malah mereka perlu mendapatkan keizinan keluar untuk membuang air besar atau air kecil.

The halak will perform the sewang and ask the spirit to help heal the illness. All the participants involved must adhere to several taboos determined by the halak. Among them are, men cannot enter the women's section and vice versa. If they do not adhere to the taboos of a healing sewang ceremony, they are considered to have pecah pantang or violated the taboo. They are also prohibited from leaving the balai sewang until the ceremony is over. In fact, they must obtain permission to leave in order to have a bowel movement or urinate.

Pantang Larang Bagi Pesakit *Taboos for the Patient*

Pesakit juga perlu mematuhi pantang larang untuk memastikan penyakitnya segera sembuh. Semasa berpantang, pesakit hendaklah dielakkan daripada bunyi bising dan perlu sentiasa dalam keadaan tenang. Pesakit juga perlu dijauhkan daripada menghidu bau yang memedihkan seperti bau lada, bawang dan minyak. Selain itu, pesakit juga perlu dielakkan daripada mendengar bunyi yang kuat seperti letupan kerana dikhuatiri akan menyebabkan semangat pesakit terkeluar dari tubuh. Pesakit juga tidak dibenarkan mandi menggunakan sabun, tidak dibenarkan berjalan di bawah cahaya matahari pada waktu tengah hari. Keluarga pesakit pula tidak dibenarkan menebang pokok pisang atau pokok pisang yang masak malam. Selain itu, keluarga pesakit yang balik dari ladang atau berburu hendaklah memanaskan badan mereka di dapur sebaik sahaja tiba di rumah. Dalam keadaan penyakit yang lebih parah, seluruh penduduk kampung dilarang berbuat demikian. Tempoh berpantang bagi seseorang pesakit bergantung kepada keadaan penyakit yang dihadapi tetapi lazimnya melibatkan tempoh berpantang antara tujuh hingga sepuluh hari (Halim Adol, temubual, 9 Ogos 2010).

The patient must also adhere to taboos to ensure a speedy recovery. While observing taboos, the patient must avoid listening to loud noises and always be calm. The patient must also avoid smelling pungent aromas like chillies, onions and oil. Furthermore, the patient must avoid listening to loud sounds like explosions, as it is believed to cause the patient's spirit to leave its body. Patients are also not allowed to walk under the sun during the afternoon. The patient's family, on the other hand, are not allowed to cut down banana trees or banana trees that ripen in the night. In addition, the patient's family members who have just returned from the farm or hunting must heat their bodies in the kitchen as soon as they arrive home. In cases of more severe illnesses, the entire village is prohibited from doing so. The period that a patient must observe the taboos depends on the illness and usually involves a period of between seven to ten days (Halim Adol, interview, 9 August 2010).

Certas atau Ceretas iaitu Adat Menutup Pantang

Certas or Ceretas, which is the Adat Menutup Pantang

Upacara menutup pantang atau *certas/ ceretas* akan diadakan apabila pesakit beransur pulih dan tempoh berpantang berakhir. Dalam upacara menutup pantang pesakit akan dibawa ke rumah *halak* bersama beberapa bahan seperti satu ikat daun palas beserta pelbagai jenis bunga yang diletakkan di dalam mangkuk atau pinggan berwarna putih serta wang dalam kadar yang termampu atau sehelai kain pelikat. Upacara ini kebiasaannya dilakukan pada waktu pagi, iaitu sebelum matahari naik. Semasa memberikan hadiah tersebut kepada *halak*, perkataan yang perlu dilafazkan ialah, “ini hadiah yang *halak* tolong hari itu” dan adalah dilarang sama sekali menggunakan perkataan ini *cerentas* (hadiah menutup pantang).

The menutup pantang or certas/ ceretas ceremony is held once the patient has started to recover and the period for observing taboos has ended. In the menutup pantang ceremony, the patient will be brought to the halak's house along with several items, like a bundle of palas leaves, several types of flowers that are placed in a white bowl or dish, an amount of money that they are able to afford, and a piece of kain pelikat. This ceremony is usually held in the morning, before the sun rises. When the presents are given to the halak, the words that must be uttered are “ini hadiah yang halak tolong hari itu” (this is a present for your help the other day), while the use of the word cerentas (a present for the menutup pantang) is strictly prohibited.

Mengikut kepercayaan masyarakat Temiar sekiranya perkataan ini disebut dilafazkan ia akan menyebabkan *halak* terkejut dan boleh memudaratkan diri *halak* sendiri kerana menggambarkan *halak* mengenakan bayaran. Keadaan ini membuatkan makhluk halus marah atau ilmu menjadi kurang berkesan (Ade Aluej, temubual, 9 Ogos 2010).

96 | SEWANG TEMIAR

According to the Temiar community, if this word is uttered, it will cause the halak to become startled, and this can be detrimental to the halak, as it implies that he charges fees. This angers the supernatural beings and his knowledge will become less effective (Ade Aluej, interview, 9 August 2010).



Foto 32 : Aweng yang digunakan untuk menempatkan lilin.

Photo 32 : Aweng used for placing candles.

(Sumber : Jabatan Warisan Negara, 2010)

(Source: Department of National Heritage, 2010)

BAB 4

PENUTUP

CHAPTER 4
CONCLUSION

Kesimpulan *Summary*

Secara keseluruhannya, dapatlah digambarkan bahawa Sewang Penyembuhan bukan sekadar satu kaedah perubatan atau penyembuhan tetapi ia mempunyai pengertian yang cukup luas dan penting untuk ditelusuri bagi memahami sosio budaya masyarakat Orang Asli amnya dan Temiar khususnya. Sewang Penyembuhan adalah satu manifestasi daripada kepercayaan, pandangan terhadap alam atau *world view*, struktur sosial dan tingkah laku yang berlangsung dalam masyarakat yang dikaji.

Overall, healing sewang ceremonies can be described not only as a method of administering medicine or a cure, but possessing a broad and vital meaning that needs to be explored in order to understand the sociocultural factors of the Orang Asli community in general, and the Temiar community in particular. The healing sewang is a manifestation of the beliefs, world view, social structure and behaviours that exist in the community studied.

Sewang turut menjadi alat yang berperanan dalam pembentukan sahsiah, citra dan jati diri masyarakat ini kerana didalamnya terkandung falsafah dan nilai-nilai murni seperti kerjasama, toleransi, hubungan harmoni, hormat menghormati, kesetiaan, dan bagaimana masyarakat ini dapat beradaptasi dalam kehidupan bermasyarakat.

The sewang is also a tool with a role in forming this community's personality, image and identity, as it contains philosophies and positive values such as cooperation, tolerance, harmonious relations, mutual respect, loyalty and the community's adaptability to communal life.

Sewang ini menggabungkan unsur perubatan tradisional dan spiritual. Kefahaman kita tentang Sewang Perubatan ini memberi kita gambaran bahawa masyarakat ini mempunyai kearifan lokal tentang kekayaan herba dan tumbuhan yang terdapat dilingkungan

untuk dimanfaatkan sebagai bahan perubatan. Dalam aspek spiritual kita melihat bahawa masyarakat ini amat simbiosis dengan alam sama ada bersifat fizik mahupun metafizik. Justeru alam mengajar mereka untuk menjadi manusia yang sentiasa bersyukur, menghormati dan berusaha memelihara hubungan yang harmoni serta melestarikan alam dan makhluk-makhluk lain yang menjadi penghuninya.

The sewang combines elements of traditional and spiritual medicine. Our understanding of healing sewangs provide us with the impression that this community has a local wisdom about the wealth of herbs and plants that can be found in the environment, which can be used as medicine. From the spiritual aspect, it is evident that this community has a symbiosis with nature, be it in the physical or metaphysical form. Nature teaches us to always be grateful, as well as to respect and foster a harmonious relationship with it, in order to preserve it and protect the other beings that live in it.

Selain itu, sewang merupakan sebahagian daripada warisan seni dan budaya tidak ketara yang unik dan menjadi kebanggaan Orang Asli di negara ini. Justeru adalah menjadi tanggungjawab agar ia terus dipelihara dan dilindungi sebagai salah satu warisan kebangsaan. Penyelidikan dan pendokumentasian terhadap sewang merupakan satu usaha agar pengetahuan dapat disebar kepada masyarakat agar dapat menilai dan menghargai sewang sebagai salah satu warisan budaya di negara ini. Warisan budaya ini perlu dilestarikan agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang sebagai salah satu daripada kepelbagaian budaya masyarakat majmuk di Malaysia. Di samping itu, penelitian yang khusus terhadap lagu-lagu sewang juga harus dilakukan agar maksud yang tersirat dalam baris-baris notasi tidak dimanipulasikan atau dikomersialkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab hingga merosakkan keasliannya.

In addition, the sewang is part of an artistic heritage and a unique intangible culture that is the pride of the Orang Asli in this country. Therefore, it is our responsibility to preserve and protect it as part of our national heritage. Research and documentation on the sewang is one of

100 | SEWANG TEMIAR

the efforts in spreading knowledge to the community at large, so that the sewang can be valued and appreciated as one of this country's national heritage. This cultural heritage must be preserved so that it can be enjoyed by future generations as part of the cultural diversity of Malaysia's multiracial society. In addition, special research must be conducted on sewang songs so that the hidden meanings within the notation lines are not manipulated or commercialised by irresponsible parties to the point of damaging their authenticity.

Glosori *Glossary*

Alam ghaib <i>Alam ghaib</i>	Alam yang dipercayai wujud diluar alam nyata <i>A supernatural world that exists outside the real world</i>
Animisme <i>Animism</i>	Kepercayaan semangat dan makhluk halus <i>The belief that all natural things, such as plants, animals, rocks, and thunder, have spirits and can influence human events</i>
Antropologi <i>Anthropology</i>	Ilmu tentang tentang budaya manusia <i>The study of the human race, its culture and society, and its physical development</i>
Asimilasi <i>Assimilation</i>	Proses penyerapan budaya <i>The process of becoming a part, or making someone become a part, of a group, country, society, etc</i>
Beradaptasi <i>Adaptation</i>	Menyesuaikan diri dengan penempatan <i>The process of changing to suit different conditions</i>
Berkabung <i>Mourning</i>	Tempoh bersedih selepas sesuatu kematian <i>Great sadness felt because someone has died</i>
Halak <i>Halak</i>	Bomoh, dukun atau pawang <i>A medium and medicine man in the Orang Asli community</i>
Konotasi <i>Connotation</i>	Makna <i>A feeling or idea that is suggested by a particular word although it need not be a part of the word's meaning, or something suggested by an object or situation</i>
Keramat <i>Keramat</i>	Makhluk yang dianggap mempunyai kuasa luar biasa <i>Supernatural force considered to have extraordinary powers</i>

102 | SEWANG TEMIAR

Manifestasi <i>Manifestation</i>	Sesuatu yang dizahir atau sampaikan <i>A sign of something existing or happening</i>
Menurun <i>Menurun</i>	Tidak sedarkan diri atau separa sedar <i>Being in an unconscious or semiconscious state</i>
Masyarakat terasing <i>Masyarakat terasing</i>	Istilah Indonesia merujuk masyarakat asli <i>Indonesian term referring to the aboriginal community</i>
Makhluk halus <i>Supernatural beings</i>	Makhluk alam ghaib <i>Creatures caused by forces that cannot be explained by science</i>
Melestarikan <i>Sustain</i>	Memulihara <i>To cause or allow something to continue for a period of time</i>
Mentera <i>Mentera</i>	Jampi serapah <i>Spell</i>
Meramu <i>Meramu</i>	Memungut, mengutip tumbuh-tumbuhan <i>Collecting plants</i>
Mitos <i>Myth</i>	Cerita dongeng <i>An ancient story or set of stories, especially explaining the early history of a group of people or about natural events and facts</i>
Nomadik <i>Nomadic</i>	Kehidupan berpindah randah <i>Moving from one place to another rather than living in one place all of the time</i>
Orang hidup <i>Orang hidup</i>	Kuasa ghaib <i>A supernatural force</i>
Padi bukit <i>Hill paddy</i>	Tanaman padi yang tidak memerlukan saluran <i>Paddy crops seeded directly in non-flooded, well-drained soil, or on level to steeply sloping hills</i>

Pantang larang <i>Taboos</i>	Perkara yang menjadi larangan <i>Forbidden or disapproved of; placed under a social prohibition or ban; marked off as simultaneously sacred and forbidden</i>
Pemburu pemungut <i>Hunter gatherers</i>	Masyarakat yang memburu dan memungut hasil hutan sebagai satu cara hidup <i>A community that hunts and gathers forest products as a livelihood</i>
Penunggu <i>Penunggu</i>	Kepercayaan tentang kewujudan makhluk yang menjaga sesuatu kawasan <i>Supernatural beings like ghosts and spirits that dwell in a certain area</i>
Populasi <i>Population</i>	Penduduk <i>All the people living in a particular country, area, or place</i>
Ritual <i>Ritual</i>	Upacara amal <i>A set of fixed actions and sometimes words performed regularly, especially as part of a ceremony</i>
Ruwai <i>Ruwai</i>	Semangat <i>Spirit</i>
Sakral <i>Sacral</i>	Unsur ghaib <i>Of, relating to, or associated with sacred rites</i>
Sangkak <i>Sangkak</i>	Bekas anyaman buluh untuk meletakkan barang kiriman ritual <i>Woven container made of bamboo used for holding ritual items</i>
Sekunder <i>Secondary</i>	Sumber kedua <i>One grade or step after the first; not primary</i>

104 | SEWANG TEMIAR

<i>Shaman</i> <i>Shaman</i>	Bomoh, dukun atau pawang <i>A medicine ma</i>
Signifikan <i>Significant</i>	Istimewa atau menonjol <i>Important, notable, or momentous</i>
Simbiosis <i>Symbiosis</i>	Hubungan yang erat <i>A close and usually obligatory association of two organisms of different species that live together, often to their mutual benefit</i>
Sosio budaya <i>Sociocultural</i>	Cara hidup <i>Relating to or involving a combination of social and cultural factors</i>
Spiritual <i>Spiritual</i>	Batin atau rohani <i>Relating to or affecting the human spirit or soul</i>
Struktur sosial <i>Social structure</i>	Sistem masyarakat <i>Stable arrangements whereby humans interact and live together in society</i>
<i>Supernatural</i> <i>Supernatural</i>	Kuasa ghaib <i>The state or quality of being tolerant</i>
Toleransi <i>Tolerance</i>	Persefahaman <i>The state or quality of being tolerant</i>
Trance <i>Trance</i>	Menurun <i>A state in which a medium, having temporarily lost consciousness, can supposedly be controlled by an intelligence from without as a means of communication with the dead</i>

Upacara amal <i>Ritual</i>	Ritual <i>A set of fixed actions and sometimes words performed regularly, especially as part of a ceremony</i>
Warisan tidak ketara <i>Warisan tidak ketara</i>	Warisan budaya bukan fizikal seperti muzik, gurindam, adat resam dan sebagainya <i>Intangible heritage Non-physical cultural heritage such as music, poetry, customs and others</i>
World view <i>World view</i>	Pandangan terhadap alam <i>A particular philosophy of life or conception of the world</i>

Bibliografi *Bibliography*

Ade Aluej. Temubual. RPS Kemar, Gerik, Perak, 9 Ogos 2010.

Amir Ahmad, Hamid Mohd Isa & Mokhtar Saidin (2018). Kajian Etnografi Terhadap Konsep Jiwa Dalam Orang Temiar, Jurnal Arkeologi Malaysia Bil. 31, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amir Ahmad, Hamid Mohd Isa & Mokhtar Saidin (2016). Upacara Amal Tehnemoh Orang Temiar di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput Utara Perak. Prosiding Seminar Etnoarkeologi: Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli, Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia & Jabatan Muzium Malaysia.

Benjamin, G. (1966). Temiar Social Groupings, Federation Museums Journal, Vol.X1, New Series

Benjamin, G. (2014). Temiar Religion, 1964-2012: Enchantment, Dischantment and Re-enchancement in Malaysia's Uplands. Singapore: NUS Press.

Benjamin, G. (2001). Orang Asli Language From Heritage to Death IN Razha Rashid & Wazir Jahan Karim (Eds.) Minority Culture of Peninsular Malaysia Survivals of Indigneous Heritage. Pulau Pinang: Academy of Social Science.

Brown, W.H.(1971). Alam Tumbuh2an: Sa-Buah Buku Teks Mengenai Kaji tumbuhan Am. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Clifford. H. (1891). Some Notes on The Sakai Dialect of Malay Peninsular, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Foo, Y.P. (2005a). *Rotan dan Buluh, Petaling Jaya: Edu Quest Publisher*.
- Foo, Y.P. (2005b). *Tumbuhan, Bunga dan Buah Hutan. Petaling Jaya: Edu Quest Publisher*.
- Hamid Mohd Isa (2014). *Keturunan Pemburu Pemungut Lanoh Terakhir di Malaysia, Siri Arkeologi Perdana, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia*.
- Hamid Mohd Isa & Mokhtar Saidin. (2017). *Rumah Tradisi Temiar Dan Hubungannya Yang Simbiosis Dengan Persekitaran, Jurnal Arkeologi Malaysia, Bil. 30, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Hamlan Anjang. Temubual, RPS Kemar, Gerik, Perak, 8 Ogos 2010.
- Halim Adol. Temubual, RPS Kemar, Gerik, Perak, 9 Ogos 2010.
- Itam Kinwel. Temubual, RPS Kemar, Gerik, Perak, 8 Ogos 2010.

108 | SEWANG TEMIAR

- JAKOA (2013). Laporan Penduduk Orang Asli Malaysia (tidak diterbitkan).
- Jennings, S. (1995). *Theatre, Ritual and Transformation: The Senoi Temiars*. London: Routledge.
- Juli Edo. (2006). *Sewang Orang Asli: Perubahan Tema dalam Kesenian Rakyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Koentjaraningrat. (1997). *Pengantar Antropologi Pokok Pokok Etnografi 11*, Jakarta, Rineka Cipta.
- Noone, H.D. (1936). Report on the Settlements and Warfare of the Ple-Temiar *Senoi* of the Perak-Kelantan Watershed, *Journal of the Federated Malay State Museum*, 19.
- Schebesta, P. (1928). *Among The Forest Dwarfs of Malaya*, Kuala Lumpur & Singapore, Oxford University Press.
- Wan Nor Hafizan Wan Sulaiman (2016). *Pemburu Pemungut Moden Che Wong di Kuala Gandah Pahang Dari Perspektif Etnoarkeologi*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (tidak diterbitkan).

Laman sesawang:

Websites:

<http://www.jakoa.gov.my>

<http://tariansewangpayelebar.blogspot.com>

<http://www.forestry.gov.my/tumbuhan-ubatan>

Lampiran Appendix

Tumbuhan yang digunakan dalam upacara sewang penyembuhan
Plants that are used in sewang ceremonies for healing

(Foo, 2005b; Brown, 1971; <http://www.forestry.gov.my/tumbuhan-ubatan>)

Nama Tempatan	Batang mansi	Bahagian yang diguna	Batang
<i>Local Name</i>	<i>Batang mansi</i>	<i>Part used</i>	<i>Stem</i>



Kegunaan / *Uses* :

- Sebagai tamu dalam sewang perubatan.
As tamu in healing sewang ceremonies.
- Batangnya dimanifestasi mempunyai roh semangat.
Its stem is manifested as possessing a spirit.
- Ia juga mengeluarkan cecair putih sebagai pemulihan semangat setelah selesai upacara Sewang perubatan dilaksanakan.
It produces a white liquid used to restore the spirit after a healing sewang has been conducted.
- Digunakan sebagai menurunkan suhu badan dan boleh dibuat mandi.
Used to reduce body temperatures and for bathing.

Nama Tempatan	Mek kaya	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Mek kaya</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Dedaunan digunakan sebagai pelengkap tamu dalam upacara sewang perubatan.
Its leaves are used to complete the tamu in healing sewang ceremonies.
- Daun-daun diraut dan digantung menjadi langit-langit dalam Balai Sindol.
The leaves are stripped and hung as langit-langit in the Balai Sindol.

112 | SEWANG TEMIAR

Nama Tempatan	Mek Kamar	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Mek Kamar</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Dedaunan digunakan sebagai pelengkap tamu dalam upacara sewang perubatan.

Its leaves are used to complete the tamu in healing sewang ceremonies.

- Daun-daun diraut dan digantung menjadi langit-langit dalam Balai Sindol.

The leaves are stripped and hung as langit-langit in the Balai Sindol.

Nama Tempatan	Sunkout	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Sunkout</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Dedaunan digunakan sebagai pelengkap tamu dalam upacara sewang perubatan.

The leaves are used to complete the tamu in healing sewang ceremonies.

- Digunakan sebagai pelengkap aksesori hiasan Kepala dan pinggang.

Used as decorative accessories for the head and waist.

114 | SEWANG TEMIAR

Nama Tempatan	Balung Ayam	Bahagian yang diguna	Bunga
<i>Local Name</i>	<i>Balung Ayam</i>	<i>Part used</i>	<i>Flower</i>



Kegunaan

Uses :

- Upacara Sewang secara ritual dimulakan dengan upacara memetik bunga untuk diikat menjadi untaian-untaian indah sebagai pelengkap *tamu* untuk digantung dalam *Balai Sindol*.

The sewang ceremony begins with the ritual of plucking flowers that are then tied into beautiful mobiles that complete the tamu and are used as hangings in the Balai Sindol.

- Sebagai pelengkap hiasan diri semasa upacara bersindol atau Sewang perubatan dijalankan.

As personal adornment during the bersindol or healing sewang ceremony.

Nama Tempatan	Sugi	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Sugi</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Dedaunan digunakan sebagai pelengkap tamu dalam upacara sewang perubatan.
Its leaves are used to complete the tamu in healing sewang ceremony.
- Digantung menjadi langit-langit balai sindol bersama rautan daun yang lain serta pelengkap kepada Malom' Sugi.
Hung as langit-langit in the Balai Sindol along with other leaves to complete the Malom' Sugi.
- Daunnya juga turut digunakan untuk membersihkan gigi.
The leaves are also used to clean the teeth.

116 | SEWANG TEMIAR

Nama Tempatan	Lamba / Kuar Palas	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Lamba / Kuar Palas</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Dedaunan digunakan sebagai pelengkap tamu dalam upacara sewang perubatan.

Its leaves are used to complete the tamu in healing sewang ceremony.

- Digantung menjadi langit-langit balai sindol bersama rautan daun yang lain serta pelengkap kepada tamu.

Hung as langit-langit in the Balai Sindol along with other leaves to complete the tamu.

Nama Tempatan	Pan Pot	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Pan Pot</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Digantung menjadi langit-langit balai sindol bersama rautan daun yang lain serta pelengkap kepada tamu.
Hung as langit-langit in the Balai Sindol along with other leaves to complete the tamu.
- Diaplikasikan sebagai 'Cenlai' bila digantung.
Applied as 'Cenlai' when it is hung.

118 | SEWANG TEMIAR

Nama Tempatan	Mek Premhek	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Mek Premhek</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Digantung menjadi langit-langit Balai Sindol bersama rautan daun yang lain serta pelengkap kepada tamu.
Hung as langit-langit in the Balai Sindol along with other leaves to complete the tamu.
- Merawat masalah penghadaman, merawat usus.
Treats digestive issues, heals the intestines.

Nama Tempatan	Mek Suli	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Mek Suli</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Bunga digunakan sebagai pelengkap tambahan aksesori perhiasan wanita.

The flower is used as an added decorative accessory for women.

- Akar digunakan semasa upacara ritual pembakaran (jampi serapah).

The root is used during the burning ritual (jampi serapah or spells).

120 | SEWANG TEMIAR

Nama Tempatan	Kasai Seoi	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Kasai Seoi</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Bunga digunakan sebagai pelengkap tambahan aksesori perhiasan wanita.

The flower is used as an added decorative accessory for women.

- Akar digunakan semasa upacara ritual pembakaran (jampi serapah).

The root is used during the burning ritual (jampi serapah or spells).

Nama Tempatan	Kari'al	Bahagian yang diguna	Biji
<i>Local Name</i>	<i>Kari'al</i>	<i>Part used</i>	<i>Seed</i>



Kegunaan

Uses :

- Biji Kari'al digunakan sebagai pelengkap hiasan tambahan pada anggota badan semasa upacara sewang mahupun persembahan.

The Kari'al seed is used as an added accessory for the body during sewang ceremonies and performances.

- Merupakan bahan membuat manik sebagai aksesori yang sering digunakan sebagai rantai sejak turun temurun dan merupakan simbol tradisi.

It is used to make beads that have often used in necklaces for generations and is a traditional symbol.

122 | SEWANG TEMIAR

Nama Tempatan	Halia hutan / Cadak	Bahagian yang diguna	Rizom/ bunga
<i>Local Name</i>	<i>Halia hutan / Cadak</i>	<i>Part used</i>	<i>Rhizome/ Flower</i>



Kegunaan

Uses :

- Air yang terdapat pada setiap ruang yang ditunjukkan dipercayai dapat menyembuhkan demam dan boleh dibuat mandi.

Water in each segment shown is believed to cure fevers and can be used as a bath.

- Batuk, menghapuskan sakit dan toksin, membuang sakit bengkak, merawat sistem penghadaman, merawat sakit perut.

Treats coughs, eliminates illness, toxins and swelling, treats the digestive system and stomach aches.

Nama Tempatan	Mek Galob	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Mek Galob</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Dapat menyembuhkan demam dan menyederhanakan suhu badan.
Can cure fevers and lower body temperatures.

124 | SEWANG TEMIAR

Nama Tempatan	Berdek	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Berdek</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan

Uses :

- Tumbuhan ini digunakan untuk mandi.
This plant is used for bathing.

Nama Tempatan	Kepayang Hitam	Bahagian yang diguna	Daun
<i>Local Name</i>	<i>Kepayang Hitam</i>	<i>Part used</i>	<i>Leaves</i>



Kegunaan


Uses :

- Sering digunakan untuk menyederhanakan suhu badan bayi yang baru lahir.
Often used to reduce fever in newborn babies.
- Dapat menyembuhkan penyakit demam campak.
Can cure chickenpox.
- Daun yang direbus dipercayai dapat menyejukkan badan seseorang.
Boiled leaves are believed to cool down a person's body.

Lakaran Balai Sindol Dari Beberapa Sudut Pandangan (Tidak Menggunakan Skala)


*Sketch Of The Balai Sindol From Several Points Of View
(Not To Scale)*

Pandangan Sisi Bahagian Kiri
View From The Left Side




Lakaran Balai Sewang Perubatan (Balao Sindol) Tidak Menggunakan Skala
Sketch Of A Healing Sewang Hall (Balai Sindol) Not To Scale

Pandangan Belakang (Balai Sindol)
Back View (Balai Sindol)




Lakaran Balai Sewang Perubatan (Balai Sindol) tidak menggunakan skala
Sketch of a Healing Sewang Hall (Balai Sindol) not to scale



Lakaran Balai Sewang Perubatan (Balai Sindol) tidak menggunakan skala
Sketch of a Healing Sewang Hall (Balai Sindol) not to scale

Pandangan Sisi Bahagian Kanan
View From the Right Side



Lakaran Balai Sewang Perubatan (Balai Sindol) tidak menggunakan skala
Sketch of a Healing Sewang Hall (Balai Sindol) not to scale

NOTA

NOTA

NOTA